**Penang Ramadhan Suoq** MS4

**Transformasi Flat PPR Jalan Sungai** MS10

**Perang Papan Iklan** MS 24




PERCUMA

# buletin Mutiara




**1 – 15, JULAI 2013**

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng


*Selamat menunaikan ibadah puasa buat muslimin & muslimat.*

# Choo Kiang Speaker Pulau Pinang, Maktar Timbalan

Oleh : **ANNAS ZAINUL ABIDIN & ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-13 secara rasminya dibuka pada pagi Jumaat, 28 Jun lepas.

Seperti biasa, istiadat pelantikan Speaker DUN dilakukan sebelum majlis angkat sumpah kesemua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dilangsungkan.

Ahli Mesyuarat Dewan menerima cadangan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng untuk melantik ADUN Bukit Tambun, Law Choo Kiang sebagai Speaker DUN Pulau Pinang yang baru.

Selain Guan Eng, Timbalan Ketua Menteri I, Mohd. Rashid Hasnon, Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II), Exco-Exco serta kesemua ADUN kemudiannya mengangkat sumpah di hadapan Choo Kiang.

Ahli Majlis Mesyuarat kemudiannya menerima cadangan Guan Eng untuk melantik ADUN Sungai Bakap, Maktar Shapee sebagai Timbalan Speaker DUN Pulau Pinang sebelum dilangsungkan istiadat angkat sumpah.

Choo Kiang semasa menyampai ucapan alu-aluan pembukaan DUN merakamkan penghargaan atas pelantikannya itu.

"Saya berharap perjalanan sidang Dewan berjalan lancar," ujarnya mengalu-alukan pembukaan sidang DUN.

Katanya, beliau bersama-sama Maktar berkongsi cita-cita untuk menyemarak lagi prinsip demokrasi serta kebebasan bersuara menerusi DUN Pulau Pinang sepanjang tempoh lima tahun mendatang ini.

Dalam perkembangan sama, Choo Kiang turut mengulas mengenai insiden wartawan akhbar Utusan Malaysia, Mohd. Firdaus Ismail, 27, melancarkan protes di luar pagar DUN Pulau Pinang gara-gara dihalang membuat liputan mesyuarat ADUN.

Beliau berkata, larangan itu adalah 'era lama' dan tidak wajar dilakukan pada era beliau menjadi Speaker DUN.

Malah, katanya lagi, beliau tidak akan menghalang mana-mana wartawan daripada melakukan tugas di DUN Pulau Pinang.

"Saya tidak pernah mengeluarkan apa-apa arahan melarang mana-mana wartawan dari melakukan tugas mereka di sini.

"Ini satu salah faham. Kami (DUN Pulau Pinang) kesal kerana beliau dihalang, namun saya berjanji ia tidak akan berlaku lagi," kata Choo Kiang dalam satu sidang media di lobi DUN Pulau Pinang di sini.

Choo Kiang berharap, pihaknya mampu saling berkomunikasi dengan semua media demi mereputasikan lagi peranan DUN Pulau Pinang dalam sistem demokrasi negeri dan Negara.

Sementara itu, Maktar dalam satu sidang media berasingan turut melahirkan rasa terharu kerana dipilih sebagai Timbalan Speaker DUN Pulau Pinang.

"Secara tiba-tiba maksudnya tak diduga. Tetapi bagaimanapun akan membantu Speaker membuat yg terbaik.

"Harapan saya, semoga ia berjalan lancar," ujarnya baru-baru ini.

Mesyuarat Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-13 berakhir pada 5 Julai lalu.



**YANG Di-Pertua Negeri, Tuan Yang Terutama (TYT), Tun Abdul Rahman Abbas menyempurnakan istiadat pemeriksaan perbarisan.**



**LAW Choo Kiang (depan, dua dari kanan) ditemani Ketua Menteri beramah-mesra dengan Ketua Polis Negeri, Datuk Abdul Rahim Hanafi (depan, dua dari kiri) pada Majlis Pembukaan Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-13 di sini baru-baru ini.**

# TYT harap permohonan TP1M lulus segera

Oleh: **ANNAS ZAINUL ABIDIN & ZAINULFAQAR YAACOB**



**ABDUL Rahman Abbas (duduk, tengah) merakam gambar kenagan bersama-sama Speaker DUN dan ADUN-ADUN.**

**GEORGE TOWN -** Tuan Yang Dipertua Negeri (TYT), Tun Abdul Rahman Abbas berharap Kerajaan Pusat segera meluluskan permohonan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) demi kepentingan rakyat di negeri berkenaan.

Beliau berucap demikian semasa majlis pembukaan mesyuarat penggal pertama sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-13 pada 2 Julai lepas.

"Sehingga sekarang, hanya Rumah Pangsa Kos Rendah Taman Sungai Batu di Teluk Kumbar telah diluluskan sebanyak RM100,000.

"Adalah diharapkan, pihak Kerajaan Persekutuan akan meluluskan pemberian baki kos pembaikan 90 peratus dan 70 peratus dengan segera," ujarnya di sini baru-baru ini.

Beliau turut menyokong rancangan Kerajaan Negeri mewujudkan program HAPPY! atau Program Bantuan Perumahan Pulau Pinang demi 'menjayakan program Kerajaan Pusat TP1M'.

Melalui program HAPPY!, Kerajaan Negeri menawarkan pembiayaan baki sebanyak 10 peratus dan 30 peratus kos perbelanjaan yang perlu dikeluarkan oleh pemilik rumah kos rendah (KR) dan kos sederhana rendah (KSR) bagi memperbaiki tangki air, kabel elektrik, lif mahupun mengecat semula rumah pangsa.

Difahamkan, sebanyak 99 permohonan TP1M dibuat oleh perbadanan pengurusan (MC) bagi membaiki rumah kediaman masing-masing di Pulau Pinang.

53 permohonan dibuat melalui Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan 46 permohonan lain dibuat melalui Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Dari jumlah itu, hanya satu permohonan dikenal pasti lulus oleh Kerajaan Pusat sebagaimana disebut dalam ucapan Abdul Rahman.

"Untuk menaik taraf bangunan-bangunan perumahan bertingkat yang dimajukan oleh Kerajaan Negeri perlulah diteruskan untuk kemudahan rakyat," kata beliau.

Dalam perkembangan sama, Abdul Rahman turut menyambut baik inisiatif Kerajaan Negeri merancang pembangunan rumah mampu milik pelbagai kategori di tujuh lokasi sekitar kawasan pulau dan Seberang Perai.

Harga rumah pelbagai kategori itu bernilai antara RM72,500 hingga RM400,000 seunit dengan penekanan ke atas rumah bernilai antara RM200,000 hingga RM250,000.

Sebanyak RM500 juta diperuntukan Kerajaan Negeri bagi membina 22,172 unit rumah mampu milik di kesemua lokasi pembangunan berwajib.

Dari jumlah itu, 3,152 unit rumah mampu milik akan dibina di sebelah pulau, manakala, bakinya bakal dibina di sebelah Seberang Perai.

Itu, katanya, tidak termasuk rancangan terbaru Kerajaan Negeri menambah pembinaan sekurang-kurangnya 5,000 unit lagi rumah mampu milik di kawasan pulau dengan mengambil alih sebidang tanah di Balik Pulau serta menebus guna tanah di *Middle Bank* di sini.

Beliau turut melahirkan rasa gembira dengan inisiatif Kerajaan Negeri merancang pembinaan 2,420 unit, iaitu 1,900 di Jalan S.P. Cheliah dan 520 unit di Bandar Cassia dekat Batu Kawan, hatta, menarik minat lebih 19,000 orang membuat permohonan.



**ISTERI kepada Speaker DUN, Teoh Hooi Tuang (kanan sekali) ditemani isteri kepada Ketua Menteri, Betty Chew (tiga dari kanan) ketika Majlis Pembukaan Mesyuarat Penggal Pertama Sidang DUN Pulau Pinang Ke-13 di sini baru-baru ini.**

## SINDIR MUTIARA

Oleh: **Sam**



# Bila Enakmen Kebebasan Maklumat negeri dikuatkuasa?

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah, Ong Chin Wen bertanya mengenai rancangan penguatkuasaan Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010.

Beliau bertanya demikian kerana enakmen yang diwartakan pada 2 Februari tahun lepas dianggap masih belum dikuatkuasa sampai sekarang.

"Saya masih menunggu tarikh penguatkuasaan ini," ujarnya semasa membahas ucapan Tuan Yang Dipertua Negeri (TYT) dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, penguatkuasaan segera enakmen itu akan mereputasi lagi imej Pulau Pinang dalam melaksana tadbir urus Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT).

Nada yang sama turut diluahkan oleh pengerusi jawatankuasa enakmen itu, Jagdeep Singh Deo (ADUN Datuk Keramat).

Terdahulu, Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010 diluluskan di DUN dengan pindaan pada 4 November 2011.

Pada 9 Januari 2012, TYT, Tun Abdul Rahman Abbas memperkenan enakmen itu, lalu, diwarta pada 2 Februari lepas.

Dalam mesyuarat pertama penggal kelima DUN Ke-12 lepas, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, status pelaksanaan Enakmen tersebut masih lagi dalam tindakan bagi menetapkan tarikh mula kuatkuasa Enakmen tersebut sebelum diangkat untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

"Sebaik sahaja tarikh mula kuatkuasa Enakmen ini diluluskan dan pelantikan pegawai maklumat dimuktamadkan, orang awam boleh mendapatkan akses kepada sebarang dokumen Kerajaan Negeri melalui saluran yang dibenarkan sepertimana yang diperuntukan dalam Enakmen tersebut," ujar Guan Eng yang juga ADUN Air Putih semasa itu.



ABDUL Rahman Abbas (kiri sekali) berjabat tangan dengan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota, Chow Kon Yeow (tiga dari kanan).

**Speaker-speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang**

| | |
|---|---|
| •Sulaiman Ahmad | (11 Julai 1959 – 29 Februari 1964) |
| •Datuk Harun Sirat | (12 April 1971 – 30 Julai 1974) |
| •Datuk Hassan Md. Noh | (28 Mei 1964 – 19 Mac 1982) |
| •Tan Sri Datuk Teh Ewe Lim | (31 Mei 1982 – 18 Julai 1986) |
| •Datuk Ooi Ean Kwong | (12 September 1986 – 4 Oktober 1990) |
| •Datuk Abdul Rahman Abbas | (3 Disember 1990 – 5 April 1995) |
| •Datuk Yahaya Abdul Hamid | (20 Mei 1995 – 1 Februari 2008) |
| •Datuk Abdul Halim Hussain | (2 Mei 2008 – 27 Jun 2013) |
| •Law Choo Kiang | (28 Jun 2013 - kini) |

# Lindungi Kampung Warisan negeri bawah Pusat

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri telah mengutus beberapa surat penyataan hasrat kepada Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan demi melindungi Kampung Batu Uban dan Kampung Tanjong Tokong sebagai 'Kampung Warisan', namun, tiada tindakan langsung daripada Kerajaan Pusat.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian pada sesi penggulungan sebagai menjawab soalan dibangkitkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Sr. Muhammad Farid Saad, sebelum ini.

"Kuasa mewartakan mana-mana kampung sebagai Kampung Warisan terletak di bawah kuasa Kerajaan Pusat menerusi Akta Warisan Kebangsaan, 2005," ujarnya di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

ADUN Air Putih itu berkata, surat bertarikh pada 10 Mei 2012, 12 Julai 2012 dan 24 Ogos 2012 menyatakan hasrat melindungi Kampung Batu Uban atau mana-mana bahagian berwajib telah diutus kepada Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim semasa masih menjadi Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan.

Demi melindungi Kampung Tanjung Tokong pula, beliau berkata, dua surat bertarikh 9 Mac 2010 dan 16 Mac 2012 turut diutus kepada Rais.

"Sehingga sekarang, tidak ada sebarang tindakan diambil (oleh Kerajaan Pusat)," tegas Guan Eng sambil meminta partisipasi daripada pembangkang Pulau Pinang.

ADUN Pinang Tunggal, Datuk Roslan Saidin dalam reaksi spontan meminta Guan Eng membekalkan surat-surat penyataan hasrat berwajib itu untuk dipanjangkan kepada Kerajaan Pusat.



BARISAN Ahli Dewan Undangan Negeri Barisan Nasional di Pulau Pinang bergambar kenang-kenangan pada Mesyuarat Penggal Pertama Sidang DUN Pulau Pinang ke- 13 di sini baru-baru ini.



MOHD. Rashid Hasnon (tiga dari kanan) bersama Speaker DUN, Law Choo Kiang (tiga dari kiri) menyambut ketibaan Senator Dewan Rakyat, Datuk Yusof Husain (kiri sekali), Syed Shahir Syed Mohamad (dua dari kiri), Dr. Syed Husin Ali (dua dari kanan) dan Dr. Ariffin S.M. Omar (kanan sekali) ke Mesyuarat Penggal Pertama Sidang DUN Pulau Pinang kali ke-13 di sini baru-baru ini.



ABDUL Rahman Abbas (tiga dari kanan) menerima bubur lambuk yang disumbangkan sempena Majlis Perasmian & Pelancaran *Penang Ramadhan Suoq 2013* baru-baru ini.

# *Penang Ramadhan Suoq* kembali!

**GEORGE TOWN –** *Penang Ramadhan Suoq 2013*, acara tahunan yang menawarkan pelbagai variasi makanan dan kelengkapan menjelang Aidilfitri kembali lagi dengan 36 peniaga dan peruncit mengambil bahagian tahun ini.

Bertemakan 'Ramadhan Dihayati, Ekonomi Diberkati', penganjuran *Penang Ramadhan Suoq 2013* ini memasuki tahun ketiga penganjurannya.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim yang juga merupakan penganjur *Penang Ramadhan Suoq* dalam ucapannya berkata bahawa acara tersebut merupakan suatu penjenamaan untuk Pulau Pinang.

"Selain memberi ruang dan peluang kepada peniaga dan peruncit untuk berniaga, kita (Kerajaan Negeri) juga memberi peluang kepada pengguna kuasa untuk membuat pilihan.

"Di sini (*Penang Ramadhan Suoq 2013*) pelbagai jenis pakaian, barang-barang isi rumah, hiasan dan perabot turut dijual pada harga yang berpatutan," ucapnya pada Majlis Perasmian dan Pelancaran *Penang Ramadhan Suoq 2013* di Komtar baru-baru ini.

Hadir bersama, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, Datuk Salleh Man (Yang diPertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, MAINPP) dan Datuk Abdul Rahim Isahak (Timbalan Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, PDC).

*Penang Ramadhan Suoq 2013* yang dirasmikan oleh Yang diPertua Negeri T.Y.T. Tun Abdul Rahman Abbas beroperasi sepanjang Ramadhan bermula jam 10 pagi sehingga 10 malam di Aras 3, Komtar.

# P.Pinang galak tazkirah Ramadan – Abdul Malik

Oleh: **ANNAS ZAINUL ABIDIN**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri menggalakkan semua pentadbiran masjid kariah untuk mengadakan program tazkirah sepanjang bulan Ramadhan demi menyemarakkan lagi penghayatan Islam yang sebenar dalam kalangan umat Islam di Pulau Pinang.

Justeru, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim berkata, larangan tazkirah sempena bulan puasa yang lazim di negeri-negeri tertentu tidak akan dikuatkuasa di Pulau Pinang.

"Tazkirah yang dilakukan merupakan satu alternatif yang baik bagi mengajar dan mendidik umat manusia.

"Tiada halangan (untuk bertazkirah) dan kita (Kerajaan Negeri) amat menggalakkan mana-mana masjid di Pulau Pinang yang ingin mengadakan tazkirah (sempena menyambut) Ramadhan," ujar beliau dalam satu sidang media di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian sebagai reaksi pada isu larangan tazkirah di negeri-negeri tertentu yang dibangkitkan pada mesyuarat penggal pertama DUN Pulau Pinang Ke-13.

Mengulas mengenai perbezaan fiqh ibadah yang turut dibangkitkan dalam persidangan di DUN, beliau berkata, Kerajaan Negeri menggalakkan solat terawih 20 rakaat, tetapi, tidak menghalang ibadah sunat itu didirikan dalam 8 rakaat.

Beliau berkata, perbezaan pendapat fiqh mengenai ibadat sunat itu tidak wajar disempitkan demi keharmonian umat Islam di negeri berkenaan.



ABDUL Malik Abul Kassim (bersongkok) menyampaikan sumbangan ihsan Zakat Pulau Pinang kepada salah seorang penerima yang uzur di sini baru-baru ini.

# ADUN sampaikan sumbangan, ringankan beban

**BATU MAUNG –** Seramai 250 orang asnaf menerima sumbangan ihsan sempena sambutan Ramadhan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Datuk Abdul Malik Abul Kassim di sini baru-baru ini.

"Alhamdulillah, sumbangan diberikan oleh Zakat Pulau Pinang kepada golongan asnaf, yakni mereka yang kesusahan termasuk yang fakir dan miskin.

"Bantuan ini kita berikan setiap tahun bertujuan meringankan beban golongan asnaf selain menambah kegembiraan mereka menyambut Ramadhan," katanya.

Tambahnya, wang zakat yang diterima oleh umat Islam di Pulau Pinang ini diagihkan kepada golongan yang berhak setiap tahun.

Abdul Malik yang juga merupakan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dalam pada itu, turut menyampaikan sumbangan kurma, beras dan gula kepada 32 buah masjid dan surau bagi kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Maung.

"InshaAllah sempena Ramadhan ini, sama-sama kita tingkatkan amal jariah, bertadarus serta mengerjakan amalan sunat demi mencari keberkatan yang berlipat-ganda.

"Malah Kerajaan Negeri turut mengadakan pelbagai program keagamaan dan tazkirah sepanjang Ramadhan agar kita sentiasa istiqamah (tekad) dalam pegangan," serunya pada Majlis Penyampaian Sumbangan kepada Masjid, Surau & Golongan Asnaf DUN Batu Maung (N37) di Perkarangan Pejabat Pasukan Peronda Sukarela (PPS) Telok Tempoyak baru-baru ini.

# Muka baru, lama warnai MPSP, MPPP 2013

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB & AINUL WARDAH SOHILLI**

**BUKIT MERTAJAM -** Istiadat pelantikan Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sehingga tempoh 31 Disember 2013 masing-masing menyaksikan penampilan muka baru.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, mereka yang dilantik wajar menganggap jawatan Ahli Majlis itu sebagai amanah yang senantiasa dinilai oleh Kerajaan Negeri dan rakyat.

"Kita tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang tiada integriti," ujarnya pada majlis istiadat di Kompleks Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Mohd. Rashid Hasnon, Prof. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II), Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir), Chong Eng (Exco Belia & Sukan, Wanita, Keluarga dan Komuniti) dan Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Kesihatan), Datuk Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri), Datuk Mokhtar Mohd Jait (Pegawai Kewangan Negeri) turut hadir pada istiadat di sini.

Hadir bersama, beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) seperti Mohd. Salleh Man (Permatang Pasir), Lee Khai Loon (Machang Bubuk), Dr. Norlela Ariffin (Penanti) dan Soon Lip Chee (Jawi).

Istiadat Angkat Sumpah dan Pelantikan Ahli Majlis bagi MPPP pula dilangsungkan di Dewan Bandaran MPPP dekat George Town.

Guan Eng berkata, tadbir urus MPSP tanpa integriti sebelum ini telahpun membankrap MPSP, tetapi, berjaya diselamatkan oleh Kerajaan Negeri yang baru bermula pada tahun 2008.

"MPSP telah mengalami kerugian sebanyak RM230 juta selama tujuh tahun sehingga 2007 dan telah menjadi bankrap.

"Pada tahun pertama (2008), Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) telah berjaya menukarkan kerugian kepada keuntungan dengan memperoleh lebihan (surplus) setiap tahun," ujar beliau.

Difahamkan, surplas MPSP bagi tahun 2008 berjumlah RM3.02 juta, diikuti, RM14.57 juta (2009), RM23.04 juta (2010), RM13.59 juta (2011) dan RM4.15 juta (2012).

Sebagai seorang Ahli Majlis bagi MPSP yang disambung pelantikan, Ahmad Tarmizi Abdullah menganggap kehadiran muka baru diharap mampu membawa tadbir urus lebih dinamik dalam majlis.

"Gandingan lama berkerja secara pasukan. Diharap gandingan muka baru dan pengalaman orang lama akan terus menguntungkan MPSP dan pelanggan (warga Seberang Perai)," ujar beliau selepas sidang bergambar kenang-kenangan di sini.

Nada yang sama turut diluah oleh seorang Ahli Majlis MPSP baru, Zulkiefly Saad.

"Saya pernah dilantik sebagai Ahli Majlis MPSP dulu, (iaitu) selama enam bulan. Dalam lebih kurang enam bulan ini (iaitu) sehingga 31 Disember depan, integriti jadi fokus kerja saya," ujarnya.

Dalam pada itu, Nur Fitriah Abdul Halim ketika ditemui sejurus selepas Majlis Pengakuan Peneriamaan Jawatan Ahli Majlis MPPP berkata pelantikannya sebagai suatu penghormatan bukan sahaja kepada semua kaum wanita malah juga beliawanis di Pulau Pinang.

"InshaAllah dengan gandingan muka lama dan muka baru ini, saya percaya kita (Kerajaan Negeri) berada di landasan yang betul.

"Saya masih muda dan banyak yang perlu dipelajari terutama daripada mereka yang berpengalaman dalam pentadbiran pihak berkuasa tempatan," katanya yang merupakan Ahli Majlis MPPP termuda.



KETUA Menteri berjabat tangan dengan Chong Pei Pei sambil diperhatikan ahli majlis lain pada istiadat pelantikan Ahli Majlis MPSP di sini baru-baru ini.



ABDUL Jalil Che Ros (kiri) bergambar kenangan bersama-sama Dr. Afif Bahardin.

Bagi Abdul Halim Salleh pula, beliau percaya dengan pelantikan Ahli Majlis bagi sesi ini, memperlihatkan kesungguhan MPPP dan Kerajaan Negeri untuk mencapai prestasi yang unggul dalam sistem penyampaian perkhidmatan.

"Tugas Ahli Majlis bukan sekadar membantu rakyat tetapi juga harus menjulang motto Kerajaan Negeri iaitu Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.

"Dengan pengalaman yang lepas, inshaAllah, saya percaya Ahli Majlis semua akan terus berkhidmat untuk rakyat Pulau Pinang," ujarnya yang pernah menjawat jawatan yang sama bagi sesi 2008/2009 lalu.

# PPK tampil 4 muka baru, 6 kekal



KETUA Menteri bergambar bersama-sama barisan PPK sesi 2013/2014 sejurus selepas majlis angkat sumpah penerimaan jawatan di sini baru-baru ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Seramai empat muka baru menggalas tanggungjawab sebagai Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Negeri Pulau Pinang berkuatkuasa serta-merta sehingga 15 Mei 2014.

Empat muka baru berkenaan ialah PPK Teluk Bahang, Datuk Abdul Halim Hussain, PPK Sungai Acheh, Mohammad Razak, PPK Penaga, Ridwan Osman dan PPK Telok Air Tawar, Norhayati Jaafar.

Manakala enam yang dikekalkan, PPK Bertam, Asrol Sani Abdul Razak, PPK Pinang Tunggal, Muhasdey Muhamad, PPK Sungai Dua, Zahadi Mohamad, PPK Permatang Berangan, Arshad Salleh, PPK Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail dan PPK Bayan Lepas, Asnah Hashim.

Kesemua mereka hadir ke Majlis Angkat Sumpah Pegawai Penyelaras KADUN yang disaksikan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di pejabat beliau di sini baru-baru ini.

Dalam ucapan pembukaan, Guan Eng menegaskan bahawa tanggungjawab PPK bukan sahaja untuk para penyokong Pakatan Rakyat (PR), tetapi juga untuk (para penyokong) Barisan Nasional (BN).

"PPK merupakan 'orang tengah' antara Kerajaan Negeri dan masyarakat setempat sama ada untuk menerangkan dasar-dasar Kerajaan Negeri mahupun membantu masyarakat setempat dari segi kebajikan.

"Mereka (PPK) menjadi pegawai bukan sahaja untuk penyokong Pakatan (PR) tetapi juga untuk penyokong BN," jelasnya pada majlis berkenaan di sini.

Guan Eng dalam pada itu berharap gandingan muka baru dan lama mampu menjadikan perkhidmatan dan kelangsungan program-program kebajikan Kerajaan Negeri diteruskan dan mencapai akar umbi.

Hadir sama, Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Mokhtar Mohd. Jait.

Dalam pada itu, ketika ditemui, Abdul Halim (yang juga mantan Speaker Dewan Undangan Negeri, DUN) berkata, beliau menerima amanah dan tanggungjawab dengan hati yang terbuka.

Malah tegasnya, tanggungjawab digalas melalui lantikan tersebut membolehkan beliau lebih mengetahui situasi sebenar masyarakat setempat serta berusaha untuk memenuhi keperluan mereka.

Bagi Norhayati, pelantikannya bukan sahaja membuktikan Kerajaan Negeri mengiktiraf golongan wanita, tetapi juga menunjukkan keupayaan kaum Hawa dalam pembangunan dan perkhidmatan negeri.

# Seminar Al-Quran simbol negeri martabat Islam

Oleh : **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**JAWI –** Timbalan Ketua Menteri I, Mohd. Rashid Hasnon berharap usaha Kerajaan Negeri memartabat Islam di Pulau Pinang akan terus disemarak bersama-sama umat melalui penganjuran Seminar Al-Quran Peringkat Negeri baru-baru ini.

"Semoga dengan usaha ini, bakal melahirkan generasi yang berakhlak mulia kelak," katanya di sini.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak itu, inisiatif menganjurkan seminar bulan-bulan al-Quran sejak empat tahun lepas sekaligus menyerlah lagi komitmen Kerajaan Negeri dalam memartabat kedudukan agama Islam di negeri berkenaan sebagaimana dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan.

Itu, katanya, menolak dakwaan Pembangkang Pulau Pinang kononnya Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 tidak lagi cakna mengenai perkembangan Islam dan umat.

Sebelum itu, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim berkata, seminar itu antara lain diharap dapat menonjolkan keindahan Islam kepada bukan Islam.

Pelbagai program dianjurkan sepanjang empat bukan al-Quran itu, antaranya Masyarakat dan Inovasi Al-Quran, Masyarakat dan Xplorasi Al-Quran, Hafazan dan Talaqqi Al-Quran, Celik Al-Quran dan Kelas Bahasa Al-Quran (Bahasa Arab) serta tulisan Jawi.



**MOHD. Rashid Hasnon ketika menyampaikan ucapan pada penganjuran Seminar Al-Quran Peringkat Negeri di sini baru-baru ini.**

## TKM1 nasihat pemaju selenggara pangsapuri ikut jadual

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**JELUTONG -** JKP Sdn. Bhd. selaku syarikat lantikan Kerajaan Pusat dinasihat supaya segera memulihara semula kemudahan asas yang rosak pada kesemua rumah pangsa kos rendah bawah selenggaraan pemaju berkenaan di Pulau Pinang.

Timbalan Ketua Menteri I, Mohd. Rashid Hasnon menasihat demikian semasa mengadakan lawatan kilat ke Pangsapuri Jelutong Indah di sini baru-baru ini.



**MOHD. Rashid Hasnon bersama-sama pegawainya (belakang) melintasi kawasan takungan air atas bumbung Pangsapuri Jelutong Indah yang berpunca oleh tangki air yang bocor.**

Beliau berkata, kedua-dua lif pangsapuri itu rosak, manakala, dua tangki air di atas bangunan yang sama turut dikesan bocor hatta menyukarkan hidup penduduk setempat.

"Kedua-dua lif itu memang rosak sejak beberapa minggu lepas lagi...ada OKU (orang kurang upaya) terpaksa dipapah naik turun pangsapuri 10 tingkat itu menggunakan kanvas sahaja.

"Ada dua tangki bocor yang airnya senantiasa keluar (menitik) di dalam satu rumah.

"Saya telah menghubungi pemaju JKP, saya berharap mereka (pemaju) berbincang dengan JMB (badan pengurusan bersama) secepat mungkin... pemaju perlu bertanggungjawab," tegas beliau selepas melawat kawasan pangsapuri berkenaan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim turut menyertai lawatan kilat itu.

Dalam perkembangan sama, Mohd. Rashid sebelum ini turut mengadakan lawatan kilat di Flat Seri Bagan dekat kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bagan Dalam dan sebuah lagi flat kos rendah di kawasan DUN Perai.

Beliau berkata, kemudahan asas di kedua-dua flat yang dimajukan JKP Sdn. Bhd. itu turut tidak diselenggara mengikut jadual sebagaimana di Pangsapuri Jelutong Indah.

Hasil lewatan kilat itu, beliau berkata, penduduk setempat mengadu mengenai masalah pam air acapkali tidak berfungsi dengan baik hatta menyukarkan warga setempat mendapatkan bekalan air bersih.

"Saya berharap kolaborasi antara pemaju ini (JKP Sdn. Bhd.) dan semua JMB yang sedia ada amat penting untuk memastikan proses penyelenggaraan kesemua pangsapuri kos rendah ini mengikut jadual.

"Jangan tunggu rosak (kemudahan asas berwajib ini) kerana kos menggantikannya (alat-alat yang diselenggara) sebenarnya lebih besar berbanding kos menyelenggara kemudahan-kemudahan itu mengikut jadual," nasihat beliau lagi.

Tuntas itu, beliau berkata, Kerajaan Negeri bersedia untuk bekerjasama dengan JKP Sdn. Bhd. hatta Kerajaan Pusat sendiri demi memperbaiki keselesaan hidup rakyat di negeri berkenaan.

"Dengan HAPPY! (Program Bantuan Perumahan Pulau Pinang), kita (Kerajaan Negeri) komited bekerjasama dengan UKP untuk menyelesai masalah ini. Kerajaan Pusat melalui TP1M (Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia) wajar mempercepat kelulusan permohonan JMB kita di sini," ujar beliau.

## KN sambut baik projek menaiktaraf HBP

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Projek menaiktaraf Hospital Balik Pulau melalui Rancangan Malaysia ke 10 yang diumumkan oleh Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahya merangkap Ahli Parlimen Balik Pulau baru-baru ini mendapat sokongan sepenuhnya daripada Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Pulau Pinang.

Projek yang bernilai lebih RM20 juta tersebut adalah bagi menaiktaraf bahagian kecemasan, bilik mayat dan bahagian pesakit luar.

Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya dalam satu kenyataan media yang dikeluarkan berkata, Kerajaan Negeri berbesar hati dan akan memberikan sepenuhnya komitmen dalam membantu menjayakan projek tersebut.

"Kita berbesar hati di atas komitmen Kerajaan Persekutuan untuk menaiktaraf Hospital Balik Pulau. Kesediaan Kerajaan Pusat untuk menambahbaik Hospital Balik Pulau adalah satu usaha murni yang amat dialu-alukan oleh Kerajaan Negeri.



**AFIF Bahardin.**

"Kita (Kerajaan Negeri) akan membantu mempercepatkan segala urusan teknikal di bawah peruntukan negeri supaya projek awam ini dapat dijayakan sepenuhnya," ujarnya dalam satu kenyataan media yang dikeluarkan baru-baru ini di sini.

Walau bagaimanapun, dalam masa yang sama, pihak Kerajaan Negeri berharap agar Hilmi turut mempercepatkan projek pembangunan dan penaiktarafan bagi Hospital Besar Pulau Pinang dan Hospital Seberang Jaya.

"Kita memohon jasa baik beliau (Hilmi) untuk sama-sama mempercepatkan projek pembangunan dan penaiktarafan bagi Hospital Besar Pulau Pinang dan Hospital Seberang Jaya sepertimana yang telah dirancang.

"Usaha ini dilihat mampu menambahbaik perkhidmatan kesihatan awam di negeri ini yang mempunyai lebih daripada 1.6 juta rakyat," ujarnya.

# T.Y.T gembira umat negeri cakna agama

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**



NUR Amirah Mohamad (tengah) menunjukkan Sijil Pelajar Terbaik STAM 2012 yang diterimanya sambil diperhati pelajar-pelajar cemerlang sekolah lain pada Majlis Perasmian Ihtifal Thanawi Sekolah-Sekolah Agama Kali Ke-15 Peringkat Negeri di sini baru-baru ini.



(Dari kanan), SAZALI Hussein, Maktar Shapee, Abdul Rahman Abbas, Mohd. Salleh Man dan Mustafa Shafie meramahi seorang pelajar yang menerima anugerah.

**SUNGAI BAKAP** – Tuan Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang (TYT), Tun Abdul Rahman Abbas melahirkan rasa gembira kerana umat Islam di negeri berkenaan belakangan ini dilihat giat menghantar anak masing-masing ke sekolah-sekolah aliran agama.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan Ihtifal Thanawi Sekolah-Sekolah Agama Kali Ke-15 Peringkat Negeri di Sekolah Menengah Agama Islam (SMA) Ad-Diniah, Jalan Sungai Rambai di sini baru-baru ini.

"Kemasukan pelajar ke sekolah agama mengalami peningkatan dari tahun ke tahun.

"Keadaan ini menggambarkan betapa para ibu bapa amat prihatin dengan kepentingan pendidikan agama dan meletakkannya begitu tinggi kepada sekolah agama," ujarnya di depan lebih 500 guru-guru dan murid-murid yang menyertai konvensyen itu.

Perkembangan itu, menurut beliau, mampu mengukuh lagi jati diri generasi muda dari anasir kejumudan, terutama dalam era globalisasi sekarang.

Sempena keraian itu, Abdul Rahman turut menyampaikan anugerah kepada pelajar sekolah agama negeri yang cemerlang bagi peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).

Salah seorang penerima anugerah Pelajar Terbaik STAM, Nur Amirah Mohamad, 20, yang ditemui kemudian melahirkan rasa syukur dan terharu.

"Syukur kepada Allah sebab diberi kesempatan menerima anugerah ini... cukup terharu kerana dihargai," ujar bekas pelajar madrasah Da'iratul Ma'arifil Wathoniah I (DNW I) dekat Kepala Batas di sini.

Dalam perkembangan sama, lebih lima pertandingan diadakan sempena ihtifal atau konvensyen kali ini.

Pertandingan yang dimaksudkan, antaranya, tilawah al-Quran, hafazan al-Quran, pidato, karangan bahasa Arab dan dialog berbahasa Arab (hiwar).

Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah SMA Ad-Diniah, Mustafa Shafie turut berucap pada konvensyen tersebut.

Hadir bersama, Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Datuk Mohd. Salleh Man, Maktar Shapee (Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Bakap merangkap Timbalan Yang Dipertua MAINPP), Datuk Sazali Hussein (Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang, JAINPP).

# Integriti mendekati tuntutan Islam - Mohd. Rashid



GAMBAR kenang-kenangan bersama-sama ahli kariah Masjid At-Taqwa.

**BUKIT GELUGOR –** Tuan Yang Di-Pertua (TYT), Tun Abdul Rahman Abbas menyempurnakan majlis perasmian bangunan baru Masjid At-Taqwa dekat Taman Tun Sardon di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Mohd. Rashid Hasnon berkata, Kerajaan Negeri akan terus memartabatkan kedudukan Islam di negeri berkenaan sebagaimana dijamin dalam Perlembagaan.

Ini kerana, katanya, budaya integriti yang diamalkan Kerajaan Negeri sebenarnya mendekati tuntutan Islam.

"Islam sangat menitikberatkan aspek amanah dan keikhlasan niat dalam melaksanakan satu-satu amalan.

"Tuntutan itu sebenarnya tidak jauh bezanya dengan komitmen Kerajaan Negeri untuk melaksanakan tadbir urus berintegriti," ujarnya di masjid tersebut baru-baru ini.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim turut berucap pada majlis tersebut.

Mohd. Rashid berkata, komitmen Kerajaan Negeri dalam memartabatkan Islam antaranya adalah menyalurkan sumbangan penghargaan berjumlah RM469,400 kepada keseluruhan 980 Hafiz Al-Quran selama empat tahun bermula pada tahun 2008.

Difahamkan, mereka menerima sumbangan RM300 bagi tahun 2008, tetapi, ditingkatkan sehingga RM500 bermula pada tahun 2009 hingga sekarang (2012), iaitu sesuatu yang tidak pernah dilakukan oleh UMNO/BN semasa mentadbir Kerajaan Negeri.

Selain itu, difahamkan, RM30,900 disumbangkan kepada 103 hufaz al-Quran pada tahun 2008, diikuti RM68,500 (137, 2009), RM90,000 (180, 2010), RM130,000 (260, 2011) dan RM150,000 (300, 2012).

"Bersesuaian dengan nama masjid ini, diharap, bangunan baru masjid ini pun didirikan serta diimarahkan atas dasar takwa juga, InshaAllah," ujar Mohd. Rashid.



ABDUL Rahman Abbas (dua dari kiri) ditemani Mohd. Rashid Hasnon (tiga dari kiri) dan Abdul Malik Abul Kassim (tiga dari kanan) mengaminkan bacaan doa sejurus menyempurnakan Majlis Perasmian Bangunan Baru Masjid At-Taqwa dekat Taman Tun Sardon di sini baru-baru ini.

# 300 imam terima sanad bacaan Al-Fatihah

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**KEPALA BATAS -** Lebih 300 imam menyertai Kursus Pemantapan Tahsin Imam dan Pengijazahan Sanad Surah Al-Fatihah Peringkat Negeri kendalian Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) di sini baru-baru ini.

Pensyarah Fakulti Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat dari Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB), Yazid Salleh Al-Hafiz mengendali bengkel pemantapan dan tahsin Al-Quran.

Manakala, Iman Masjid Negara, Tan Sri Datuk Syeikh Ismail Muhammad pula meneraju bengkel pemantapan dan *'tadabbur'* intipati Surah Al-Fatihah.

Dalam bengkel itu, Syeikh Ismail turut menjelaskan mengenai intipati serta bacaan sebenar Surah al-Fatihah kepada calon-calon imam yang hadir, sebelum menyempurna majlis pengijazahan sanad Surah Al-Fatihah.



IMAM Masjid Negara, Syeikh Ismail Muhammad.

Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JAINPP), Datuk Sazali Hussein semasa berucap pada majlis perasmian penutupan berkata, kesempurnaan bacaan Surah Al-Fatihah dalam solat merupakan salah satu kewibawaan seorang imam di sisi para makmum solat.



LEBIH 300 imam berkursus memperbaiki bacaan Surah Al-Fatihah di bawah kendalian Syeikh Ismail Muhammad di sini baru-baru ini.

"Semua kita perlu berusaha menyempurnakan baca Surah Al-Fatihah kerana itu sebahagian dari kesempurnaan solat berjemaah," ujar beliau di Hotel Seri Malaysia, di sini.

Nada yang sama turut disuara oleh Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Masjid dan Hal Ehwal Kariah MAINPP, Rosidi Hussain.

"Melalui kursus seumpama ini, kita nak pentadbiran masjid dihormati oleh anak-anak kariah," ujar beliau.

Dalam perkembangan lain, Rosidi berkata, pihaknya sedang merancang menjadikan kawasan masjid di negeri berkenaan sebagai zon larangan merokok ke arah merealisasikan kempen 'Pulau Pinang Bersih, Hijau, Selamat dan Sihat'.

## ADUN pantas bertindak, bantu mangsa

**DATOK KERAMAT-** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datok Keramat, Jagdeep Singh Deo menyampaikan sumbangan awal berjumlah RM500 daripada Tabung Bencana Tuan Yang Di Pertua Negeri (Tabung TYT) kepada mangsa kebakaran Flat Sri Tanjung Jalan Perak, Lim Kok Yong, 53 baru-baru ini.



JAGDEEP Singh (kiri) menyampaikan sumbangan wang tunai kepada Lim Kok Yong di sini baru-baru ini.

Menurut Jagdeep, ini merupakan satu sumbangan sebelum pihaknya cuba mendapatkan bantuan-bantuan lain yang wajar kepada mangsa.

"RM5,000 peruntukan ADUN dijangka akan disalurkan dalam jangka masa terdekat ini. Selain itu, saya turut akan membuat permohonan bantuan kepada Jabatan Kebajikan Negeri bagi membantu keluarga mangsa dari segi keperluan-keperluan lain," ujar beliau ketika melakukan lawatan baru-baru ini.



KEADAAN bilik ketiga yang di mana kebakaran di jangka bermula memandangkan bilik ini paling teruk dijilat api.

Ketika kejadian, Kok Yong bersama isterinya Yoh Sook Leong, 53 sedang tidur sebelum isterinya terbau asap.

Beliau kemudian keluar dan ternampak api sudah marak di dalam rumah mereka sambil mengejutkan anak perempuan mereka Lim Siew Ling, 24, yang tidur dibilik bersebelahan.

"Semua barangan dalam rumah habis musnah, tetapi, saya bersyukur kerana tiada kemalangan jiwa. Cuma isteri saya ditahan di wad Hospital Besar Pulau Pinang akibat terhidu asap tebal," ujar Kok Yong yang berkerja sebagai penjaja di Persiaran Gurney.

"Saya hanya sempat menyelamatkan dokumen penting seperti kad pengenalan, passport dan sijil lahir sahaja. Kerugian saya adalah melebihi RM50,000," ujar beliau lagi.

Mengulas kejadian itu, Ketua Operasi Bomba dan Penyelamat Jalan Perak, Pegawai Bomba Kanan 2, Zakapli Ramli berkata, mereka menerima panggilan pada pukul 7.29 pagi dan tiba tiga minit kemudian.

Menurut beliau lagi, api berjaya dipadamkan sepenuhnya kira-kira jam 7.40 pagi.

Punca kebakaran masih lagi dalam siasatan. Individu yang bermurah hati untuk memberi sumbangan bolehlah menghubungi Kok Yong di talian 016-4199496.



CHOW Kon Yeow (paling kiri), Iskandar Basha Abdul Kadir (duduk, kiri) saling berbincang dengan pihak M.I.E. mengenai rancangan pemulihan Tapak Pelupusan Sampah Jelutong di sini baru-baru ini.

## RM1.5 juta pulih tapak pelupusan sampah Jelutong

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**JELUTONG -** Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dengan kerjasama M.E.I Konsultan Sdn. Bhd. merancang melaksanakan satu kajian selama tujuh bulan mengenai kaedah pemulihan tapak pelupusan sampah Jelutong di sini yang dianggarkan menelan kos RM1.5 juta.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, M.E.I. sebagai badan pakar antarabangsa turut diminta mengkaji punca berlakunya kebakaran di kawasan terbabit.

Beliau berkata, M.E.I. akan bekerjasama dengan CH2M Hill, iaitu satu lagi badan pakar antarabangsa dalam bidang alam sekitar, rawatan sisa air dan rawatan bekalan air, bagi menyediakan cadangan menyeluruh berhubung projek memulihara tapak pelupusan sampah berkenaan.

"Mereka (M.E.I. dan CH2M Hill) turut mempunyai kepakaran pengurusan geoteknikal dan projek. Pasukan tersebut bakal meliputi pakar dalam bidang tempatan dan antarabangsa.

"Pasukan ini amat memahami cara-cara pembangunan semula dan mengenal pasti kawasan di mana penjimatan kos boleh dibuat.

"Usaha pemulihan ini adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk memulihkan kawasan tersebut yang kerap berlaku kebakaran dan masih lagi menerima sisa buangan marin (lumpur) dan batu-batu," ujarnya pada satu sidang media di Komtar baru-baru ini di sini.

Timbalan Pengurus Besar PDC, Iskandar Basha Abdul Kadir, Kon Chee Min (Direktor CH2M Hill Malaysia Sdn. Bhd.) dan Ir. Dr. Goh Teik Cheong (Eksekutif Direktor M.E.I. Konsultan Sdn. Bhd.) turut hadir di sini.

Sementara itu, Teik Cheong berkata, kajian yang bakal dibuat oleh pihaknya antara lain akan menumpu pada aspek risiko yang bakal ditanggung oleh masyarakat sekeliling di negeri berkenaan.

"Kita perlu mengkaji jenis-jenis pembuangan yang terdapat di atas tapak pelupusan tersebut dan apakah cara terbaik yang boleh digunapakai.

"Oleh itu, kita memerlukan kira-kira tempoh tujuh bulan bagi menjalankan kajian ini secara menyeluruh, bagaimanapun, ianya bergantung kepada faktor cuaca.

"Proses pemulihan ini memerlukan satu jangka masa. Strategi pengurusan sisa yang terbaik harus dirancang selepas proses kajian dilakukan agar sisa-sisa masa depan tidak akan mempengaruhi proses pemulihan tersebut," ujarnya.

# Interaksi KM, 300 kontraktor Melayu cipta sejarah

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Lebih 300 kontraktor Kelas F Persatuan Kontraktor Melayu Pulau Pinang (PKMPP) menyertai jamuan malam serta interaksi bersama-sama Kerajaan Negeri baru-baru ini, sekaligus mencipta sejarah tersendiri bagi kedua-dua pihak.

Pengerusi PKMPP, Datuk Izham Omar menganggap penganjuran program rasmi itu sebagai pengiktirafan pada sumbangan kontraktor Melayu berwajib di negeri berkenaan.

"Kejayaan kita (PKMPP) hari ini adalah begitu berbaloi dengan perit jerih dan kepayahan yang kita telah lalui," jelas beliau di Komtar di sini.

Sementara itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, amalan tender terbuka ternyata mewujudkan persaingan sihat dalam kalangan kontraktor Melayu berwibawa.

"70 peratus kontrak Kerajaan Negeri telah berjaya diperoleh oleh kontraktor Melayu.

"Ini sama sekali menangkis dakwaan setengah pihak yang mengatakan sistem tender terbuka akan buatkan kontraktor Melayu gulung tikar,' ujarnya semasa merasmikan majlis itu.

Tambah beliau, tender terbuka sebelum ini telah memberi peluang kepada kontraktor Melayu bernama Datuk Zarul Ahmad Zulkifly dari syarikat Consortium Zenith BUCG Sdn. Bhd. dipilih membina projek Persiaran Gurney ke Bagan bernilai RM6.3 bilion.

Nada yang sama turut diluah oleh Timbalan Ketua Menteri I, Mohd. Rashid Hasnon.

Mohd. Rashid berkata, para kontraktor turut dinasihat meningkatkan budaya keselamatan di kawasan pembangunan masing-masing supaya insiden runtuhan tanjakan konkrit Jambatan Kedua Pulau Pinang yang meragut jiwa pada bulan lepas tidak berulang.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy dan Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) turut hadir pada keraian tersebut.



**KETUA Menteri berjabat tangan dengan jemputan kontraktor yang hadir pada Majlis Makan Malam Bersama Warga Kontraktor di sini baru-baru ini.**

# JHEAIPP tegas sepanjang Ramadhan

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Sepanjang bulan Ramadhan ini, Kerajaan Negeri melalui Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) bakal melipatgandakan langkah penguatkuasaan bagi membendung gejala maksiat dan salah laku di sini.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim berkata, penguatkuasaan tersebut adalah khususnya berkaitan Seksyen 15 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Pulau Pinang 1996 iaitu kesalahan tidak menghormati bulan Ramadhan.

"Jika disabitkan kesalahan, seseorang boleh didenda tidak melebihi RM1,000 atau tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali dan bagi kesalahan kali kedua, adalah sekali ganda kesalahan pertama," jelasnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Menurut Abdul Malik, salah laku lain di bawah Enakmen tersebut adalah kesalahan berjudi (di bawah Seksyen 18), khalwat (Seksyen 27), lelaki yang berpakaian seperti wanita (Seksyen 28), perbuatan tidak sopan di khalayak ramai (Seksyen 29) dan perbuatan menggalakan maksiat (Seksyen 35).



**ABDUL Malik Abul Kassim (tiga dari kanan) bersama-sama sebahagian kakitangan Bahagian Penguatkuasaan JHEAIPP pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

"Statistik pada 2010 menunjukkan seramai 205 suspek ditahan membabitkan pelbagai kesalahan sebagaimana disenarai, 208 (2011) dan 216 (2012).

"Ekoran peningkatan tersebut, JHEAIPP memutuskan untuk menjalankan penguatkuasaan lebih tegas berbanding tiga tahun kebelakangan ini," tegas Abdul Malik.

Di samping itu, beliau turut menegaskan bahawa di bawah Bahagian Penguatkuasaan Halal JHEAIPP, tindakan tegas juga akan diambil terhadap premis-premis penjualan makanan yang didapati melanggar Akta Perihal Dagangan (Takrif Halal) dan Perakuan dan Penandaan Halal.

"Tahun lalu, sejumlah lapan premis telah diambil tindakan tegas kerana menjual makanan kepada mereka yang ponteng puasa.

"Tahun ini, kita akan bertindak berdasarkan risikan dan pemantauan di 20 lokasi panas telah dikenalpasti dan berharap strategi ini dapat mengurangkan kadar berlakunya maksiat di bulan Ramadhan, inshaAllah," katanya.

Serentak itu, Abdul Malik turut mengumumkan penganjuran *Penang Ramadhan Suoq 2013* yang telah memasuki tahun ketiga di Aras 3, Konkos, Komtar di sini dengan melibatkan 50 penyertaan peniaga dan usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) bermula 9 Julai lalu.

# Dividen PBAHB RM29.98 juta - KM

**GEORGE TOWN -** Untung selepas cukai Perbadanan Bekalan Air Holdings Berhad (PBAHB) bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012 adalah berjumlah RM29.98 juta.

Justeru, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, seramai 9,603 pemegang saham layak menerima pembayaran dividen keseluruhan berjumlah 7.5 peratus, berbanding 4 peratus bagi tahun sebelumnya.

Pun begitu, Pengerusi PBAHB itu berkata, syarikat mengalami penyusutan keuntungan berjumlah RM16.72 juta akibat daripada peningkatan kos pengoperasian syarikat tersebut.

"Ini, turut terjadi akibat peningkatan kos syarikat sebanyak 8.6 peratus setiap tahun.

"Sungguhpun begitu, PBAHB masih mengekalkan tarif pada tahap rendah, di samping, penjimatan sebanyak RM0.9 juta kos rawatan air bagi bahan kimia," ujarnya pada sidang media selepas Mesyuarat Agung Tahunan PBAHB Kali Ke-9 di sini baru-baru ini.

Dalam perkembangan sama, beliau turut meluahkan rasa bimbang mengenai penggunaan air domestik yang mencatatkan peningkatan 5.9 bilion bagi tahun lepas.

Ini kerana, katanya, penggunaan air domestik di negeri berkenaan meningkat pada 294 liter per kapita sehari, berbanding kadar purata kebangsaan, iaitu kira-kira 210 liter per kapita sehari.

Dari jumlah itu, Guan Eng memberitahu, menyamai penggunaan 60 peratus dari keseluruhan air bekalan di negeri berkenaan.

Tambahnya, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) sebagai syarikat milik penuh PBAHB menanggung subsidi air sebanyak RM66.3 juta.

"Subsidi adalah sesuatu yang kita tidak boleh kekalkan pada satu tempoh yang lama, oleh itu, saya menyeru rakyat negeri ini menjimatkan penggunaan air," seru beliau.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif PBAHB, Ir. Jaseni Maidinsa berkata, PBAPP berjaya mengurangkan kadar peratus air tidak berhasil dari 18.4 peratus pada 2011 kepada 17.6 peratus pada 2012.

"Rentetan penurunan ini, sebanyak 2.2 bilion liter air telah berjaya dijimatkan.

"Namun penggunaan air di negeri ini dilihat agak meningkat dari 283.1 bilion liter pada 2011 kepada 290.6 bilion liter pada tahun lalu," ujar beliau.

Hadir bersama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy.



**KETUA Menteri bersalaman dengan Ir. Jaseni Maidinsa (dua dari kanan) sambil ditemani Dr. P. Ramasamy (kiri sekali) dan Pengurus Kewangan PBAHB, Lee Suan Imm (kanan sekali) pada majlis sidang media Mesyuarat Agung Tahunan PBAHB Kali Ke-9 di sini baru-baru ini.**

# Transformasi Flat PPR Jalan Sungai demi rakyat

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**SUNGAI PINANG –** Sejumlah RM867,440 diperuntukan oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) untuk kerja-kerja menaiktaraf kawasan Flat PPR Jalan Sungai di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim dalam ucapannya berkata, RM700,000 diperuntukan untuk kerja-kerja mengecat semula dua bangunan 22 tingkat dan selebihnya digunakan untuk menaiktaraf taman permainan kanak-kanak di sini.



LAKARAN grafik Flat PPR Jalan Sungai.

"Suara penduduk untuk melihat transformasi bangunan Flat PPR Jalan Sungai ini didengari oleh kita (Kerajaan Negeri) dan kita akan laksanakan dengan penuh tekun dan dedikasi demi rakyat.

"Peruntukan tersebut mencakupi peruntukan untuk mengecat semula bangunan flat dan juga menaiktaraf taman permainan sedia ada kepada taman rekreasi yang lebih sesuai untuk semua peringkat usia," ucapnya di sini baru-baru ini.

Tambahnya, kerja-kerja mengecat Flat PPR Jalan Sungai akan dijalankan pertengahan bulan Ogos ini dan dijangka siap menjelang sambutan Tahun Baru 2014 kelak.

"Flat PPR Jalan Sungai mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi iaitu kira-kira 2,000 penghuni dan diharap dengan transformasi fizikal bangunan ini mereka dapat hidup dengan lebih ceria dan harmoni.

"Malah aspek kebersihan juga turut ditekankan bagi kelangsungan yang lebih harmoni dan sejahtera," tambahnya.

Dalam pada itu, Siew Khim turut merasmikan Hari Pengenalan Ahli Jawatankuasa Pertubuhan Komuniti PPR Jalan Sungai di sini.

Katanya, jawatankuasa ini harus memainkan peranan dua hala bagi membolehkan penduduk khasnya dapat menyuarakan sebarang permasalahan untuk perhatian pihak berkuasa tempatan mahupun Kerajaan Negeri.

Hadir sama, Pengarah Korporat MPPP, Patrick Khoo, mantan Ahli Majlis MPPP, Ramlah Bee, Pengarah Projek GRB Aloyah Bakar dan Pengerusi Pertubuhan Komuniti PPR Jalan Sungai, Shaharudin Mohd. Sharif.


LIM Siew Khim (tengah) bersama Ramlah Bee (kiri) dan Shaharudin Mohd. Sharif (kanan) teruja melihat lakaran grafik transformasi Flat PPR Jalan Sungai di sini baru-baru ini.

## Pusat Khidmat ADUN Jawi kini beroperasi

**SEDIA BERKHIDMAT...** Majlis Perasmian Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee disempurnakan oleh Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng menggambarkan ADUN baru itu, sedia berkhidmat untuk rakyat khususnya di Jawi.


SOON Lip Chee.

"Saya sedia berkhidmat untuk rakyat demi amanah yang dipertanggungjawabkan kepada saya oleh rakyat.

"Selain masalah domestik, penduduk di Jawi juga boleh mendapat khidmat nasihat perundangan secara percuma," ujar Lip Chee ketika ditemui Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Majlis Perasmian yang dihadiri kira-kira 500 orang itu, turut menerima kehadiran ADUN Padang Kota, Chow Kon Yeow, ADUN Sungai Puyu, Phee Boon Poh, ADUN Sungai Bakap, Maktar Shapee dan Ahli Parlimen Tanjong, Ng Wei Aik.

Pusat khidmat yang terletak di Taman Bukit Panchor, Nibong Tebal ini beroperasi setiap hari bermula jam 9.30 pagi sehingga 5.30 petang kecuali Sabtu sehingga 1.30 petang dan tutup pada hari Ahad serta cuti umum.

## Sertai Hari *Multiple Sclerosis* 27 Julai!

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN -** Hari *Multiple Sclerosis 2013* bakal dianjurkan oleh Kerajaan Negeri pada 27 Julai depan bagi mendedahkan peri bahaya penyakit tiada rawatan itu kepada rakyat Pulau Pinang.

"Sekiranya Pulau Pinang mempunyai sistem jaringan pengangkutan yang efisien, kemasukan pelabur juga akan meningkat kerana kemudahan akses yang membolehkan mereka bergerak dari suatu tempat ke suatu tempat dengan lebih cepat dan selamat," jelasnya.

Tambah beliau, bagi membolehkan Pulau Pinang menjadi hab pengangkutan unggul, jaringan sistem pengangkutan negeri haruslah diselaraskan dengan kerjasama Kerajaan Pusat.

"Hal ini sekaligus dapat merangsang perkembangan ekonomi lebih positif dengan kemasukan pelancong-pelancong dan pelabur dari luar negara," ujar Yong-Boon.



KETUA Menteri di samping Hendry (kiri sekali) dan Carlsson (tiga dari kiri) mendengar penerangan tentang produk yang dihasilkan di *Xylem*.

## Pembekal teknologi air antarabangsa pilih Pulau Pinang

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**PERAI –** Xylem Incorporation, sebuah syarikat pembekal teknologi air antarabangsa memilih Pulau Pinang sebagai cawangan pejabat jualan dan pusat servis Asia syarikatnya di sini baru-baru ini.

Syarikat milik Sweden itu mencatatkan hasil sebanyak USD3.8 bilion pada tahun 2011 dengan tenaga kerja 12,500 di seluruh dunia.

Menurut Pengarah Rantau Asia, Xylem Water Solutions Malaysia Sdn. Bhd. (*Xylem*), Allan William Hendry, cawangan itu bakal memberi manfaat produk teknologi air mereka kepada seluruh negara di Asia Tenggara, Jepun, Korea, Hong Kong, Macau, Taiwan, Bangladesh, Pakistan & Sri Langka.

Antara produk yang dihasilkan *Xylem* adalah pam air untuk industri, teknologi rawatan air kumbahan, sistem saliran pertanian serta sistem penapisan air.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika merasmikan majlis pembukaan cawangan itu berkata, kewujudan cawangan *Xylem* di negeri ini menjadi testimoni kepada prestasi Pulau Pinang melalui polisi mesra perniagaan Kerajaan Negeri.

"Kita (Kerajaan Negeri) akan terus berusaha menjadikan Pulau Pinang sebagai lokasi pilihan syarikat-syarikat multinasional di rantau ini.

Guan Eng yang juga Pengerusi Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) memberitahu, Kerajaan Negeri juga dalam proses mempertingkatkan infrastruktur sedia ada, bagi menyediakan bekalan air yang berkualiti dan bersih kepada seluruh rakyat di negeri ini.

"Justeru, kita sentiasa mencari rakan kongsi dengan syarikat teknologi air seperti *Xylem* untuk membekalkan teknologi *state-of-the-art* dan *cutting-edge systems* bagi mencapai kos yang efisyen dan kemampanan dalam pengurusan air di Pulau Pinang, ujar Guan Eng.

# PGC harap Jaringan Sisa Sifar berjaya - Wei Aik



NG Wei Aik (tiga dari kanan) memotong riben sebagai simbolik perasmian pengkalan data Jaringan Sisa Sifar di sini baru-baru ini.

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN -** *Penang Green Council* (PGC) berharap pelancaran pengkalan data Jaringan Sisa Sifar (*www.pgc.com.my/zerowastenetwork*) baru-baru ini mampu mengurangkan lagi pembuangan sisa harian di Pulau Pinang.

Ahli Parlimen Tanjong, Ng Wei Aik berkata, sistem pengkalan data itu menjelaskan mengenai lokasi kitar semula di lima daerah seluruh negeri berkenaan supaya jumlah sisa buangan harian yang dikumpulkan di Pusat Pelupusan Sampah Pulau Burung dekat daerah Seberang Perai Selatan (SPS) boleh dikurangkan.

"Sebanyak 102 pusat kitar semula terkandung dalam pencarian di laman tersebut. Ia juga merangkumi tempat yang sesuai bagi jenis sisa buangan (seperti logam, kertas, plastik dan elektronik yang boleh dikitar semula yang di hasilkan oleh kita setiap hari," ujar beliau dalam satu majlis ringkas di Auditorium A, Komtar di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, pengkalan data itu turut memudahkan pelanggan mencari data berwajib seperti syarikat kitar semula, kategori sisa yang dikitar semula, proses kitar semula efektif dan sebagainya.

Justeru, beliau yakin e-sistem tersebut mampu menyemarakkan lagi kesedaran hijau di negeri berkenaan, selain, mewujudkan peluang pekerjaan alternatif dan peniagaan berkaitan industri kitar semula dalam kalangan rakyat.

Inisiatif kehijauan mula diperkenal oleh Kerajaan Negeri sejak lima tahun lepas dan terus diiktiraf di rantau ini hingga sekarang.



SALAH satu pasukan yang menjulang trofi dan hasil ciptaan mereka pada pada penganjuran ***Green Robotics Challenge 2013*** di sini baru-baru ini.

# *Green Robotics Challenge* gabung kreativiti & sains robotik

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Penganjuran *Green Robotics Challenge 2013* yang menggabungkan kreativiti dan sains robotik menjadi platform kepada pelajar-pelajar sekolah untuk lebih meminati ilmu sains dan matematik di sekolah masing-masing.

Kenyataan tersebut dinyatakan Pengarah Urusan Motorola Technology Sdn. Bhd. merangkap peneraju *Penang Science Cluster (PSC) Sustainable Education and Learning Pillar,* Yew Tian Tek pada majlis pelancaran tersebut di sini baru-baru ini.

Tian Tek berkata, minat dalam kalangan pelajar mampu membentuk komuniti modal insan yang lebih saintifik serta kompetatif.

"Malah, ia juga mampu meningkatkan kesungguhan pelajar dan belia untuk berkecimpung dalam industri kejuruteraan pada masa hadapan," ujar beliau.

Penganjuran tahun kedua *Green Robotics Challenge 2013* merupakan hasil usahasama Kolej KDU Pulau Pinang dengan Penang Science Cluster Berhad (PSCB).

Bersempena itu, sebanyak 80 buah sekolah rendah dan sekolah menengah seluruh Pulau Pinang telah mengambil bahagian dalam penganjuran bertemakan '*Green*' (Hijau) berkenaan.

Majlis pelancaran program berkenaan disempurnakan Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey, teraju PSC *Cultivation Innovation & Research,* Loo Cheng Cheng dan Program *Lead for Lego Robotics,* Azian Wahab.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kolej KDU Pulau Pinang, Dr. Chong Beng Keok dalam ucapannya menyatakan bahawa pemilihan tema Hijau adalah sejajar dengan usaha Kerajaan Negeri mendidik minda pelajar ke arah cintakan kitar semula serta penghijauan dalam kehidupan seharian.

"Pertandingan ini dapat membantu cita-cita negara kita untuk membentuk persekitaran yang lebih berdaya saing dan kondusif.

"Semua ini akan terbukti dengan peningkatan sikap ingin tahu para pelajar dalam merekacipta inovasi baru pada masa hapadan," ujarnya di samping menyokong misi Kerajaan Negeri dalam mencungkil bakat serta minat belia terutamanya pelajar untuk terus meminati bidang sains, kejuruteraan dan robotik.

Tambah Beng Keok, sejumlah RM12 juta setahun disediakan Kerajaan Negeri untuk membiayai sekolah-sekolah yang mempunyai minat dalam bidang kejuruteraan dan robotik.

# 78 sekolah sertai kitar semula 2013

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN -** Penganjuran Kempen Kitar Semula F&N Beverages & MPPP 2013 kali kedua di Komtar di sini baru-baru ini lebih menerima sambutan menggalakkan berbanding tahun lepas.

Setiausaha Perbandaran Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) Ir. Ang Aing Thye berkata, 78 sekolah seluruh Pulau Pinang dengan kerjasama Kementerian Pelajaran yang menyertai saingan itu diharap mampu memupuk minat dalam kalangan pelajar mengenai perihal pentingnya memulihara alam sekitar.

"Bagi saya, anak-anak di sekolah perlulah diberikan kesedaran awal tentang pentingya usaha memupuk kesedaran 3R (*Reduce, Reuse, Recycle*) supaya masa depan alam sekitar yang lebih baik dapat diwujudkan," ujar beliau di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, MPPP serius menyahut seruan kerajaan untuk menangani isu alam sekitar di negeri berkenaan.

Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Hu Yew Seah mendapat tempat pertama kategori sekolah rendah dan membawa pulang hadiah RM1,300 kerana berjaya mengumpul sisa buangan terberat, iaitu 27.174 kilogram.

Kategori sekolah menengah pula dimenangi Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan dan membawa pulang hadiah RM1,300 kerana berjaya mengumpulkan sisa buangan terberat, iaitu 30.919 kilogram.

Sekolah Menengah Pendidikan Khas sama turut meraih tempat pertama bagi kategori khas, iaitu e-buangan yang merangkumi sisa barangan elektrik.

Sekolah itu berjaya mengumpul sisa buangan seberat 2,324 kilogram dan membawa pulang hadiah berjumlah RM600.

Perkembangan terbaru itu sekaligus menyerlahkan komitmen Kerajaan Negeri dalam menjayakan kempen 'Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat'.



ANG Aing Thye (enam dari kiri) bergambar kenang-kenangan bersama sebahagian wakil sekolah yang memenangi pertandingan Kempen Kitar Semula F&N Beverages & MPPP 2013 di sini baru-baru ini.

# Briged Wanita, "sendi' wanita Pulau Pinang



AHLI-ahli Briged Wanita Pulau Pinang bergambar kenangan bersama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri semasa Majlis Pelancaran & Kursus Induksi Briged Wanita Pulau Pinang di Auditorium A, Komtar baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Briged Wanita Pulau Pinang yang dilancarkan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Pulau Pinang baru-baru ini bakal menyediakan pelbagai manfaat dan memelihara kebajikan seluruh wanita di Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri memerlukan sebuah jentera yang dinaungi oleh golongan wanita untuk menghebahkan dan memberitahu program-program Kerajaan Negeri sama ada untuk wanita di pekan, kampung mahupun di bandar.

"Rasionalnya penubuhan Briged Wanita ini adalah 'wanita membantu wanita', dengan menyebarkan maklumat dan meningkatkan kesedaran tentang program-program kerajaan dan menggerakkan wanita lain untuk mendapatkan akses kepadanya.

"Pertama, adalah untuk mendaftarkan ibu tunggal dan ibu emas untuk menerima bantuan dan penghargaan Kerajaan Negeri. Kedua, mendaftarkan wanita yang berumur 35 tahun ke atas untuk menerima pemeriksaan payudara (*mammogram*) percuma yang dibiayai sepenuhnya.

"Ketiga, mendaftarkan wanita yang berniaga secara kecil-kecilan bagi menerima pinjaman mikro kredit di bawah Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) PDC," ujarnya semasa merasmikan Pelancaran & Kursus Induksi Briged Wanita Pulau Pinang di Auditorium A, Komtar baru-baru ini di sini.

Turut hadir, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng, Datuk Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) dan Dr. Norlela Ariffin (Ahli Dewan Undangan Negeri Penanti).

Dalam pada itu, Guan Eng berkata, ramai wanita setempat tidak sedar bahawa Kerajaan Negeri menyediakan pelbagai program untuk membantu mereka. Briged ini akan memudahkan akses setiap orang wanita di seluruh negeri kepada bantuan dan sokongan seperti ini.

"Oleh itu, sebagai seorang wanita kita berada pada kedudukan terbaik bagi membantu wanita lain. Selain itu, ahli briged ini akan diberikan latihan tentang kepimpinan dan tadbir urus baik dan latihan-latihan yang berguna," ujarnya.

## Tenis Asian diharap cungkil bakat baru - Exco



**SEBAHAGIAN peserta bersama pingat kemenangan bergambar kenangan selepas menerima pingat kemenangan masing-masing di sini baru-baru ini**

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN -** Hampir 100 atlet dan pegawai sukan dari Malaysia, Thailand, Indonesia, Filipina, China dan Hong Kong berkampung di Kelab Sukan Pulau Pinang di sini bagi merebut kejuaraan sempena Kejohanan Tenis Siri Ketiga Bawah 14 Tahun Asia Pulau Pinang 2013 baru-baru ini.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti dan Kesenian, Chong Eng berkata, Kerajaan Negeri berharap lebih ramai bakat baru tempatan dapat dicungkil melalui kejohanan terbuka itu.

"Acara seperti ini akan membantu dalam menaikkan semangat atlet-atlet muda kita dalam kejohanan yang lebih kompetetif," ujar beliau semasa menyampaikan ucaptama pada kejohanan itu di sini baru-baru ini.

Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Francis Su Kok Eng turut hadir pada temasya sukan itu.

Chong Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang merakamkan penghargaan kepada *Penang Lawn Tennis Associatoin* (PLTA), Asian Tennis Federation dan MSNPP atas kejayaan bersama menganjurkan kejohanan tersebut.

Calloud Fabien dari Hong Hong berjaya merebut kejuaraan acara terbuka selepas menundukkan jaguh Filipina, Eala Michael Francis.

Atlet China, Ma Yexin, iaitu pemain di kedudukan 19 Asia menjuarai kategori wanita selepas menewaskan rakan senegara, Loh Shi Pei (atlet di kedudukan 56 dunia).

Pasangan Malaysia, Kamaruzzaan Naufal dan Alvin Wee Jie pula memenangi acara regu lelaki selepas menewaskan gandingan Malaysia-Filipina, Eala Micheal Francis II dan Mohd. Adam Das.

Alfarizad Tara dan Suhana Adam dari Malaysia turut bergelar juara acara regu wanita selepas menjinakkan pasangan Indonesia-Singapura, Danisa Amalina dan Jeovanne Can.


PenangGreen 2013 EXPO

Heal The Earth.

2013
EKSPO HIJAU PULAU PINANG
槟州绿色博览会
பினாங்கு பசுமைக் கண்காட்சி

21–22 SEPTEMBER 2013 | 10.00AM – 6.00PM
PENANG INTERNATIONAL SPORTS ARENA (PISA)

REGISTRATION FORM

Organisation / Company Name :
Address :
Contact Person :
Designation :
Telephone (office) : Mobile :
Fax : Website :
Email :
Nature of Business:

Would you like to organise activity/game for the Penang Green Expo 2013?

Would you like to be the sponsor of our lucky draw? ☐ Yes ☐ No

Preferred Booth Number (except for complimentary booth and promotional space):
*Kindly choose your preferred booth number base on your participation category (First Come, First Served)*

*We wish to participate as an exhibitor in Penang Green Expo 2013, and request that the following exhibit area to be reserved for our use.*







**SINGLE BOOTH**
(1) Greenbie ~~RM 2,500~~ **RM 1,000**
(2) Greenteen ~~RM 4,200~~ **RM 1,500**
(3) Greenpro **RM 2,500**

**SPONSOR PACKAGE**
(1) Decade Green Sponsor **( 2 Booths )** ~~RM 14,000~~ **RM 6,000**
(2) Century Green Sponsor **( 4 Booths )** ~~RM 23,000~~ **RM 11,000**
(3) Millennia Green Sponsor **( 8 Booths )** ~~RM 42,000~~ **RM 25,000**

FROM 50% Discount On Penang International Carnival 2014

Kindly scan/email the payment remittance and company logo to the secretariat at info@pgc.com.my

**PAYMENT**
1. Cheque : Payable to PGC Strategies Sdn bhd *(in Ringgit Malaysia)*
2. Direct to bank
Account No : 0713 000 5775 059
Bank's Name : CIMB Bank Berhad
Branch : Jalan Dr. Lim Chwee Leong
Address : Lot 33-G-08 Perangin Mall, Jalan Dr. Lim Chwee Leong, 10100 Penang

***Closing Date** : 19 July 2013*

***Cancellation** : No refunds will be given upon cancellation. PGC reserves the right to sell off registered booths for which no payment has been received before or on 19 July 2013*

**Authorised Signature & Company Stamp**

Kindly email a scanned copy to: info@pgc.com.my or fax to 04-250 3323(Attn to: PGC)

For more information, please call us @ 04-250 3322

*These terms and conditions are subject to change.*

**Co-Organizer :** PENANG INSTITUTE making ideas work; SUNSHINE GARDEN CENTRE SDN. BHD. 陽光園藝有限公司



DAPUR-dapur yang digunakan dalam penghasilan sayur pucuk.



LAPISAN nipis kuning-kekuningan yang timbul apabila pati soya mendidih.

Oleh: **YAP LEE YING**
Gambar: **IDZHAM AHMAD**

# Proses mencabar sayur pucuk tidak gugat semangat Hasdey



SAIDIN Husain.



HASDEY Saidin.

**UNIK** dan menarik! Begitulah gambaran yang dapat diluahkan Buletin Mutiara (BM) ketika dibawa ke lokasi pembuatan sayur pucuk atau *'tao ki'* dalam dialek Hokkien.

Dasarnya, proses pembuatan sayur pucuk memerlukan banyak kesabaran. Bermula pada tengah malam sehari sebelum itu, proses pembuatannya hanya berakhir kira-kira jam 10.30 malam keesokan harinya.

Ketika mula berkecimpung dalam perusahaan tersebut pada tahun 80-an, Saidin Husain, 64, terpaksa menjual produk keluarannya di pasar malam disebabkan tidak memperoleh permintaan pasaran tempatan mahupun luar.

"Pada masa tu, orang Melayu anggap produk ni tak halal dan masih tidak pandai makan.

"Disebabkan tiada pasaran, saya sekeluarga terpaksa menjual sendiri sayur pucuk yang dihasilkan sehinggalah persepsi tersebut berubah," katanya ketika ditemui di kediamannya di Tanah Liat, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah (SPT).

Sebagai satu-satunya pembekal sayur pucuk keluaran bumiputera di sini, Saidin menyatakan bahawa pasaran produknya kini bukan hanya terhad di pasaran tempatan sahaja, sebaliknya turut memperoleh permintaan dari Banting, Melaka dan Taiping, Perak.

Setiap hari, sebanyak 130 kilogram (kg) kacang soya berkualiti diimport dari Amerika Syarikat dan Kanada (dicampur) digunakan untuk menghasilkan kira-kira 30 hingga 32 kg sayur pucuk (kering).

Proses pembuatannya adalah kacang soya direndam pada tengah malam sehari sebelum itu dan pada pukul 6.30 pagi keesokannya, kacang soya (yang direndam) dimesin sehingga hancur.

"Ia kemudian diperah, diambil patinya dan dimasukkan ke dalam dapur kayu api untuk direbus atau dikukus kira-kira sejam setengah sehingga mendidih.

"Apabila ia mendidih, kotak-kotak kayu berbentuk segi empat diletakkan dan dari situ akan timbul satu lapisan nipis berwarna kuning-kekuningan menyerupai rupa bentuk sayur pucuk yang terdapat di pasaran.

"Secara berhati-hati, lapisan tersebut 'diangkat' dan 'disidai' pada sebatang kayu yang diletakkan di tengah dapur sebelum ia dijemur sehingga kering di bawah pancaran matahari.

"Setiap lapisan akan timbul pada tempoh jarak masa setiap 12 minit hingga 15 minit sehinggalah ia berakhir kira-kira jam 10.30 malam," jelas Saidin.

Ekoran faktor usia, perusahaan sayur pucuk beliau kini diusahakan sepenuh masa oleh anaknya, Hasdey Saidin, 38 ( ambil alih pada tahun 1999).



SAYUR pucuk yang dijemur sebelum dibungkus.

Menurut Hasdey, asalnya, resipi pembuatan sayur pucuk yang kini menjadi perusahaan generasi ketiga keluarganya adalah berasal daripada arwah Tok Wan beliau.

"Ketika itu, Tok Wan ramai kawan Cina yang sama-sama minat bermain burung terkukur dan merbok.

"Dari kawan-kawan itu, beliau belajar dan balik *try* buat. Memang payah nak buat sampai kawan datang ajar kat rumah," jelasnya yang turut mengambil tempoh masa setahun lebih untuk betul-betul memahiri seni pembuatan produk berkenaan.

Bahan asas pembuatan sayur pucuk adalah soya dan natrium karbonat atau nama tempatan air abu bagi 'menaikkan pucuk'.

Bagi Hasdey, proses paling mencabar dalam pembuatan sayur pucuk adalah tempoh masa rendam kacang soya yang mana tidak boleh terlalu lama kerana ia akan menjadi masam. Malah, sekiranya tidak dijemur sehingga cukup kering (faktor cuaca terutamanya musim hujan), sayur pucuk yang dihasilkan akan berkulat.

Di samping itu, cabaran yang turut dihadapi adalah kos kacang soya yang terlalu mahal iaitu bagi kacang soya diimport yang digunakan Hasdey adalah berharga RM119 bagi 50kg berbanding RM43 hingga RM47 (kuantiti sama) tahun 80-an.

Hasdey menyatakan bahawa penggunaan kacang soya tempatan dan China kurang menghasilkan santan.

Pada masa sama, beliau turut berdepan dengan masalah pembekalan kayu api yang terpaksa dibeli dari luar.

Bagi perancangan masa depan, Hasdey menyatakan bahawa beliau ingin meluaskan pasaran sedia ada dan mempelbagaikan produk pengeluaran berasaskan kacang soya.



LAPISAN sayur pucuk yang 'diangkat' dan 'disidai' sebelum dijemur.

**INFO :**
**HASDEY ENTERPRISE**
**997, Mk 9, Tanah Liat,**
**14000 Bukit Mertajam,**
**Pulau Pinang.**
**019 – 563 9319**

# Jagdeep nekad struktur isu rumah

**KELANTANGAN** peguam terkenal Karpal Singh dalam memperjuang isu keadilan hak serta hak asasi manusia rupa-rupanya memberi kesan langsung pada dirinya di rumah sejak kecil lagi.

Dari situ, beliau mulai menyimpan niat untuk menjadi peguam.

Namun, penahanan ayahnya di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) suatu masa dahulu hampir menangguh niat beliau untuk melanjutkan pelajaran dalam jurusan undang-undang di Australia.

Sudah 18 tahun beliau menjadi pengamal undang-undang dan kini bergelar Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat untuk penggal pentadbiran kedua, Jagdeep Singh Deo, 43, ditaklif pula sebagai Exco Perumahan & Perancangan Bandar dan Desa baru-baru ini.

Ikuti wawancara eksklusif beliau dengan wartawan akhbar Buletin Mutiara (BM), **ZAINULFAQAR YAACOB.**



JAGDEEP Singh Deo.

**BM: Selepas dilantik menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK), apakah perasaan Tuan?**

**Jagdeep:** Saya berasa ini tugas yang berat, tetapi, dengan pengalaman perundangan yang saya ada, saya yakin saya boleh melakukan sesuatu.

Saya sendiri menyedari, memang banyak cabaran wujud di Pulau Pinang seperti kos perumahan melambung naik. Ini adalah satu kesan dari ekonomi terbuka (iaitu) kalau ada permintaan, memang harga (hartanah) akan naik. Ini adalah ekonomi terbuka kapitalis.

Tetapi, pada masa yang sama, kita (Kerajaan Negeri) sangat menyedari bahawa ada satu golongan memang tidak mampu membeli rumah dalam kos begitu tinggi.

Sebagai kerajaan negeri, kita perlu menyediakan rumah-rumah kos rendah (KR) dan rumah-rumah kos sederhana rendah (KSR) dan kini rumah mampu milik (M).

**BM: Isu perumahan kos rendah dan kos sederhanan rendah sejak penggal lepas lagi cuba diselesaikan, tetapi, seakan tiada penghujungnya. Tuan sendiri lihat bagaimana?**

**Jagdeep:** Rumah KR, KSR dan M yang sedia ada pun masih tidak mencukupi kerana ada masalah lain seperti yang saya sebut sebelum ini. Justeru, kita (Kerajaan Negeri) memerlukan satu mekanisme yang lebih baru.

Selepas dilantik menjadi Exco, saya telahpun menubuhkan satu Jawatankuasa Pembersihan Proses Perolehan Perumahan (JPPPP) atau dalam bahasa Inggerisnya dikenali sebagai '*Selection Process Enhancement Comittee*' (SPEC).

Selain saya, lima lagi wakil rakyat menganggotai jawatankuasa ini. Dari proses permohonan sehinggalah proses perolehan, kita akan mengkaji keseluruhan proses tersebut di mana kita hendak memperbaiki sistem yang sedia ada.

Nama penerima kita akan paparkan dalam akhbar Buletin Mutiara supaya proses bantahan boleh dilakukan ke atas mereka yang tidak layak menerima rumah mampu milik ini.

Kita (JPPPP) telah bermesyuarat beberapa kali dan ini adalah antara keputusannya. Ini juga adalah salah satu halatuju saya sebagai exco.

Kita nak sistem perolehan ini lebih efisyen di mana unit-unit rumah tersebut mesti sampai pada mereka yang paling layak sahaja.

**BM: Rumah mampu milik di Pulau Pinang dikatakan masih mahal dan tidak mampu dibeli. Adakah Tuan mempunyai apa-apa perancangan mengenai isu ini?**

**Jagdeep:** Kita mesti kawal harga perumahan KR, KSR dan M yang disediakan, walaupun sukar. Dengan polisi-polisi sebegini, saya fikir, implementasinya perlu cepat supaya kita dapat melindungi golongan yang memerlukan rumah mampu milik ini.

Sekadar ada pelan pemajuan hitam putih, itu masih tidak merealisasi polisi-polisi lagi. Perlu lihat pembangunan secara fizikal, jika elok, kita teruskan.

Dalam pada itu, projek terbesar perumahan mampu milik di Batu Kawan dekat Seberang Perai dan di S.P. Chelliah (dekat Pulau) dengan projek pembangunan satu atau dua blok boleh dimulakan tahun ini juga.

Ada pihak mengatakan rakyat cuba diusir keluar dari pulau ke Batu Kawan. Sebenarnya kita ada projek perumahan di Seberang Perai dan pulau, bukan tiada langsung di pulau.

Kalau projek perumahan banyak di pulau, penghijrahan masuk ke pulau kian padat. Pulau Pinang bukan pulau sahaja, tetapi Seberang Perai juga. Maka, perlu pembangunan di Seberang juga.

Biar satu masa nanti tiada lagi perbezaan antara pulau dan seberang sebagaimana hampir-hampir tiada lagi perbezaan antara daerah Barat Daya dan Timur laut (di pulau).

Selain ini, untuk warga asing, kita (Kerajaan Negeri) tidak membenarkan mereka membeli pangsapuri mewah di bawah harga RM1 juta dan rumah atas tanah di bawah harga RM2 juta.

Jika tiada polisi sebegini, kepentingan rakyat tempatan untuk hartanah di bawah harga itu (RM1 juta) tidak dilindungi. Itu prinsipnya.

Untuk meletakkan harga siling untuk rumah mampu milik sendiri bukanlah sesuatu yang mudah dalam ekonomi kapitalisme terbuka ini kerana selagi ada permintaan, maka, harga rumah akan meningkat.

Orang akan beli walaupun kita (Kerajaan Negeri) cuba untuk mengawalnya. Apa yang boleh kita (Kerajaan Negeri) buat adalah membekalkan rumah mampu milik ini melalui PDC (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang) yang akan membina beberapa projek.

Bagi sektor swasta juga, bagi satu-satu pemajuan projek perumahan, mereka juga diminta membina rumah mampu milik.

Ini syarat yang kita buat. Kelas menengah yang sebelum ini terperangkap (serta) di luar kelayakan mereka untuk memohon KR (rumah kos rendah) dan KSR, boleh memohon rumah mampu milik sekarang.

Di situlah, kaedah penstrukturan semula rumah yang mampu kita lakukan dalam ekonomi terbuka ini, terutamanya juga memandangkan Malaysia menuju ke arah negara maju.

Apa yang cuba kita lakukan adalah mendekati golongan kelas menengah ini juga. Ini bahagian yang akan saya fokus. Saya nak lihat progres secara fizikal projek-projek ini dalam penggal ini.

Harapan saya supaya perumahan di Pulau Pinang dapat diatasi permasalahannya.

**BM: Apakah harapan Tuan untuk lima tahun diamanahkan sebagai Exco Perumahan & Perancangan Bandar dan Desa?**

**Jagdeep:** Harapan saya supaya perumahan di Pulau Pinang dapat diatasi permasalahannya.

Apa yang lebih penting lagi adalah untuk melaksanakan keadilan serta membantu golongan yang layak menerima tawaran rumah mampu milik. Ini fokus saya.

# MPPP isytihar perang iklan 'haram' - Ah Teong

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN -** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) terus melaksanakan operasi menurunkan papan iklan tanpa lesen atau sudah tamat tempoh di sekitar pulau baru-baru ini.

Ahli Majlis MPPP, Ong Ah Teong berkata, operasi pemutihan itu mendapati kira-kira 100 iklan sahaja mendapat kelulusan serta lesen daripada pihak berkuasa tempatan (PBT), manakala, lebih 400 lain adalah iklan 'haram'.

"Bagi pengusaha dan pemilik iklan 'haram' yang masih belum membuat permohonan rasmi selepas tarikh tersebut, kita (PBT) tidak teragak-agak merobohkannya satu demi satu.

"Ini, cukup membuktikan bahawa MPPP kini memandang serius terhadap perkara ini," ujar beliau dalam satu operasi yang disertai 20 Direktorat Penguakuasaan MPPP di sini.

Menurut beliau, langkah drastik MPPP itu dilakukan selepas menyedari bahawa peristiwa yang melanda negeri berkenaan baru-baru ini hampir menumbangkan tiga papan iklan di tiga lokasi berasingan dekat Jalan Gottlieb, Persiaran Gurney dan Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu.

Pada Mac lepas, MPPP memulakan operasi pemutihan dengan melekat 32 notis amaran berwarna merah pada papan-papan iklan yang dikenal pasti 'haram'.

Dari jumlah itu, beliau berkata, sebanyak 21 papan iklan tanpa lesen telahpun diturunkan oleh pihak penguatkuasaan majlis.

Tidak cukup dengan itu, katanya, MPPP membekukan kesemua permohonan baru dalam tempoh setahun ini supaya memberi masa kepada para pegawainya melakukan operasi pemutihan papan iklan yang sedia ada.

Justeru, katanya lagi, semua syarikat pengiklanan berwajib digesa segera memohon atau memperbaharui lesen masing-masing setiap tahun demi mengelak tindakan penguatkuasaan MPPP.



**ONG Ah Teong (baju putih, tiga dari kanan) memerhatikan sebuah papan iklan 'haram' yang telah diturunkan oleh MPPP di Bulatan Gurney baru-baru ini.**

## Ops. Bersepadu MPPP periksa 16 gerai makan

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BATU UBAN -** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dengan kerjasama Jabatan Imigresen dan Kementerian Perdaganagan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) melancarkan operasi pemeriksaan bersepadu di sebuah kompleks makanan berhampiran sebuah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di sini baru-baru ini.

L. Prem Anand semasa menjadi Ahli Majlis MPPP berkata, operasi bersepadu itu bertujuan membanteras anasir pengambilan pekerja asing tanpa permit, meninjau harga barang serta menangani masalah kebersihan dan kesihatan.

Melalui penguatkuasaan bersepadu itu, beliau berkata, pihaknya berharap pelanggan boleh menikmati makanan bermutu dengan harga berpatutan di negeri berkenaan.

"Apabila kebersihan diabaikan, kita bimbang penyakit bawaan vektor seperti kencing tikus dan cirit-birit mudah terjadi.

"Operasi seperti ini amat penting supaya para penjaja lebih peka akan isu kesihatan dan penguatkuasaan," ujar beliau semasa menyertai operasi tersebut.

Prem Anand berkata, penguatkuasaan itu dilakukan ke atas 16 kedai makan dan 7 premis berkenaan dikenal pasti beroperasi tanpa lesen.

"Saya ingin mengingatkan para pengguna juga supaya pilihlah gerai yang bersih sebagai pilihan utama bagi menjamin kesihatan," tegas beliau lagi.



**BEBERAPA Pegawai Pelesenan MPPP sedang melakukan pemeriksaan ke atas sebuah gerai yang menggaji warga asing untuk bekerja di sini baru-baru ini.**



**DUIT kertas sengaja diletakkan bagi melindungi tarikh tamat tempoh Lesen Pendaftaran Syarikat (SSM).**

Difahamkan, sebanyak 34 kompaun dikeluarkan, termasuk 13 berkaitan kesihatan dan 14 lain atas sebab tidak melakukan pemeriksaan kesihatan (suntikan *tifoid*).

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, pihaknya berjaya mengesan kes warga asing meninggalkan premis peniagaan semasa operasi bersepadu dilakukan.

Justeru, beliau berharap pelanggan terus membuat aduan kepada MPPP sekiranya mendapati gerai-gerai makan di sekitar 'pulau' melanggar undang-undang pihak berkuasa tempatan (PBT).



**AR. Patahiyah Ismail (kanan) membincangkan sesuatu bersama-sama Ir. Ang Aing Thye pada Mesyuarat Biasa Majlis baru-baru ini.**

## Majlis lulus sewaan tanah untuk dua Persatuan Penganut

**GEORGE TOWN –** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) baru-baru ini telah meluluskan sebidang tanah yang terletak di Bayan Lepas untuk dipajak dan disewakan kepada Persatuan Penganut Dewa Hock Teik Keong, Padang Assam dan Persatuan Penganut Dewa Thai Shang Than, Sungai Tiram.

Ahli Majlis, Tan Hun Wai pada Mesyuarat Biasa Majlis yang berlangsung di Komtar baru-baru ini berkata, tanah lain-lain ibadat Majlis Lot 70670, Mukim 12 akan dipecahkan sempadan kepada dua plot dengan masing-masing berkeluasan 433 meter persegi (4,660 kaki persegi).

"Plot-plot ini masing-masing diperakukan akan dipajak kepada dua Persatuan tersebut tertakluk kepada syarat-syarat pajakan yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis. Sewa tanah sebanyak RM600 setahun (RM50.00 sbulan) dengan bayaran deposit sebanyak RM600 (bersamaan sewaan setahun) bagi tempoh pajakan sepuluh tahun dengan opsyen lanjutan 10 tahun," ujarnya ketika membentangkan Pengesahan Menyuarat Jawatankuasa Tetap Pengurusan Kewangan ketika Mesyuarat Biasa Majlis di Komtar baru-baru ini di sini.

Kedua-dua Persatuan perlu mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang (sekiranya melibatkan pembinaan bangunan dua tingkat dan ke atas) dan Pelan Bangunan dalam tempoh enam bulan dari tarikh kelulusan Pihak Berkuasa Negeri diperolehi.

Tambah Hun Wai, kelulusan tersebut diberi oleh pihak Majlis bergantung tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Negeri.

"Walau bagaimanapun, pemohon bertanggungjawab untuk membayar cukai tanah, bil utiliti seperti air, elektrik dan lain-lain sekiranya dikenakan dan penerima pajakan perlu mengambil Insurans Kebakaran dan Insurans Tanggungan Awam.

"Pemohon turut akan menanggung segala perbelanjaan dan bertanggungjawab bagi penyediaan dan pemprosesan pelan, kos pecah sempadan, kos pembinaan dan penyelenggaraan bangunan tersebut," ujarnya.

# MPSP 'tawar' diskaun kompaun pelbagai kesalahan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BUKIT MERTAJAM -** Bayaran Kompaun Tanpa Lesen yang dilakukan pada Perayaan Hari Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) Ke-39, 6 Julai lalu mendapat sambutan yang menggalakkan.

Yang Dipertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif berkata, hanya RM50 sahaja untuk setiap kesalahan, selepas diberi diskaun untuk pelbagai jenis kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil Penjaja 1991, Undang-Undang Kecil Iklan 2001, Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen 1981 dan Akta Kerajaan Tempatan (Kesalahan Tidak Pamer Lesen).

"Pembayaran kompaun bagi kesalahan parkir yang masih belum didaftarkan di mahkamah pula menerima diskaun sehingga RM15 setiap satu," ujarnya dalam Mesyuarat Penuh Akhir di Kompleks Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, MPSP sempena Bulan Bayar Cukai Taksiran bermula pada Julai hingga Ogos depan akan membuka kaunter pembayaran termasuk pada hari Sabtu dan Ahad.

"Kaunter pada kedua-dua hari itu dibuka seawal 8.30 pagi hingga jam 12.30 tengah hari, kecuali cuti umum.

"Ini, untuk memberi kemudahan kepada para pelanggan dan '*stakeholders*' untuk membuat bayaran cukai taksiran setengah tahun kedua 2013," ujar beliau.

Difahamkan, sebanyak 854 kes kompaun masih belum dibayar untuk pelbagai jenis kesalahan bagi tahun 2013 yang keseluruhannya berjumlah kira-kira RM216,000.

Sejak tahun 2008, kompaun parkir kereta tertunggak yang dikeluarkan MPSP adalah berjumlah 981,279 kes dan kutipan yang sepatutnya diperoleh majlis dianggarkan bernilai RM24.5 juta.

Itu, tidak termasuk cukai taksiran tertunggak bagi tahun 2011 sebanyak RM34.3 juta dan RM27.4 juta bagi tahun 2012.

"Kita bekerja dengan penuh tekun untuk mengutip cukai tunggakan ini," jelasnya dalam sidang media di sini.



MAIMUNAH Mohd. Sharif (tujuh dari kanan, bertudung merah jambu) bergambar kenang-kenangan bersama Ahli-ahli Majlis sesi lalu di sini baru-baru ini.

## Guppy bekal pasu, pokok bunga 80 sekolah - YDP MPSP

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BUKIT MERTAJAM –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menyerahkan pokok bunga lengkap dengan pasu kepada 80 sekolah sekitar daerah Seberang Perai Utara yang menyertai program Anugerah Sekolah Hijau 2013.

Yang Dipertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif berkata, langkah hoslistik itu diharap menggalakkan lagi budaya memulihara dan memelihara alam sekitar dalam kalangan murid.

"Saya percaya dengan penyertaan sekolah-sekolah ini, tahap kebersihan di Seberang Perai akan bertambah baik kerana para pelajar bukan sahaja mempraktikkan kriteria-kriteria amalan hijau di sekolah, tetapi, juga dalam kehidupan seharian mereka," katanya di Kompleks Ibu Pejabat MPSP di sini baru-baru ini.

Di sebalik program itu, beliau berkata, syarikat Guppy Plastic Industries Sdn. Bhd. menyumbang sebanyak 15 pasu lengkap dengan pokok bunga kepada setiap sekolah yang menyertai program tersebut.

Maimunah berkata, syarikat Guppy terpanggil untuk menyertai program tanggungjawab sosial korporat (CSR) itu selepas melihat keghairahan pelajar di sekolah tertentu dalam menjayakan Program Keceriaan Sekolah.

"Sekolah-sekolah perlu menjaga pokok yang disumbangkan syarikat terbabit dan markah akan diberikan semasa pengauditan dibuat yang merangkumi 10 kriteria.

"Antara kriteria yang diambil kira ialah amalan 3R (*Reduce,Reuse,Recycle*), pengurangan beg plastik, kebersihan kawasan sekolah dan aktiviti lain yang kreatif dan inovatif," katanya.

Justeru, katanya, program ini diharap dapat meningkatkan kesedaran mengenai pri penting alam sekitar, melaksanakan aktiviti kitar semula dan seterusnya mengurangkan sampah ke tapak pelupusan.



MAIMUNAH Mohd. Sharif (dua dari kiri) menerima pasu bunga daripada wakil Guppy (paling kanan) semasa gimik perasmian program di sini baru-baru ini.

## Tiada lagi 'orang tengah' mohon lesen MPPP

Oleh: **ANNAS ZAINUL ABIDIN**

**GEORGE TOWN -** Permohonan lesen hiburan dan komposit boleh dilakukan secara langsung di pejabat Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) mulai sekarang.

Ahli Majlis MPPP, Ong Ah Teong berkata, langkah itu demi mencegah 'orang tengah' dari mengaut keuntungan sehingga RM8,000 daripada peniaga untuk satu permohonan sahaja.

Justeru, katanya, permohonan baru menerusi 'orang tengah' bermula pertengahan bulan Jun lepas tidak akan dilayan lagi.

"Tidak ada alasan bagi pemilik perniagaan baru untuk mengunakan 'orang tengah' bagi membuat sesuatu permohonan.

"Setiap permohonan baru perlu melalui pengarah syarikat berkenaan, setiausaha syarikat berkenaan atau pekerja syarikat yang mempunyai (Kumpulan) Wang Simpanan Pekerja (KWSP)," ujar beliau di sini baru-baru ini.

Difahamkan, MPPP memperuntukan lebih RM40,000 untuk menyediakan sistem berintegriti itu.

Itu, termasuk penyediaan sebuah mesin skrin sentuh untuk tujuan e-permohonan di pejabat MPPP dekat Lebuh Bishop di sini.

Beliau berkata, pelanggan boleh menggunakan e-permohonan dengan mengikut panduan yang disediakan atau mendapatkan borang permohonan sedia ada secara percuma dari kaunter MPPP di pejabat yang sama



ONG Ah Teong.

# Jagdeep teringin temani umat Islam berbuka puasa

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**



JAGDEEP Singh Deo (kanan) menyantuni seorang ibu tua dalam majlis gotong-royong sempena menyambut bulan Ramadan baru-baru ini.



KANAK-kanak mengambil kesempatan beramah-mesra dengan Jagdeep Singh Deo, sebelum majlis penyerahan sumbangan kepada 70 penerima terpilih dilangsungkan di sini baru-baru ini.

**DATOK KERAMAT -** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datok Keramat, Jagdeep Singh Deo menyerahkan hamper makanan dan beras kepada 70 penerima terpilih dalam satu majlis gotong-royong di Kampung Datok Keramat dan Kampung Dodol di sini sempena menempuhi bulan Ramadan.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan itu berkata, ibadah puasa dalam bulan itu umummnya mengajar umat Islam hatta manusia umummnya untuk empeti dengan golongan yang kurang berkemampuan.

Justeru, beliau melahirkan rasa minat untuk menemani umat Islam berbuka puasa di kedua-dua kampung berkenaan kelak.

"Saya amat berharap, apabila tibanya bulan Ramadhan kelak, saya akan berpeluang berbuka puasa bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

"Pada bulan Syawal pula, kita akan bersama-sama juga mengadakan jamuan raya bagi meraikan penduduk-penduduk di sini," ujar beliau di sini baru-baru ini.

Difahamkan, majlis gotong-royong itu turut disertai oleh anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Pemeriksaan kesihatan secara percuma, rawatan tradisonal serta jamuan durian antara program menarik dalam majlis tersebut.

Robakeyah Shariff, 74, penduduk Kampung Dodol yang ditemui kemudiaan melahirkan rasa terima kasih atas sumbangan ADUN mereka.

"Sumbangan ini cukup bermakna bagi saya, tambahan pula saya semememangnya seorang yang miskin.

"Pendapatan bulanan saya hanya RM300 dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Hendak harapkan anak-anak memang jauh sekali, dengan bantuan ini pun saya cukup bersyukur," ujar beliau dalam nada sebak.

Halizah Din, 62, penduduk Kampung Makam di sini turut melahirkan rasa terharu atas insiatif ADUN mereka.

"Saya amat berterima kasih atas bantuan ini. Sebelum ini pun, ada juga bantuan sebegini dari Kerajaan Negeri.

Selama ini pun, pendapatan hanya berharap dari pemberian anak-anak semata-mata. Saya juga menerima bantuan dari badan kebajikan RM100 sebulan," ujar ibu tunggal berkenaan sambil mengaku beliau menumpang di rumah anaknya.

Majlis gotong royong yang mencipta sejarah tersendiri di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Datok Keramat itu sekaligus menyerlahkan keharmonian rakyat berbilang bangsa dan agama di negeri berkenaan.

## Pertandingan karom, dam haji gamat



SEBAHAGIAN anak muda dan penduduk Pongsu Seribu yang hadir menggamatkan suasana Pertandingan Karom dan Dam Haji KADUN Bertam di sini baru-baru ini.

**BERTAM –** Pertandingan Karom dan Dam Haji Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bertam disini baru-baru ini memperoleh sambutan hangat dengan penyertaan 40 penyertaan di sini.

Pertandingan anjuran Pemuda Pongsu Seribu dengan kerjasama Pejabat Pegawai Penyelaras KADUN Bertam merupakan salah satu program bagi menyantuni masyarakat setempat.

Ekoran itu, Pegawai Penyelarasnya, Asrol Sani Abdul Razak mencadangkan supaya program tersebut diadakan pada masa hadapan dengan melibatkan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) di sini.

Turut serta, Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Amir Md. Ghazali.

## 5 taman permainan DUN Air Itam dilancar



WONG Hon Wai (dua dari kanan) bersama-sama sebahagian penduduk Happy Valley di Taman Permainan Tiga Generasi di sini baru-baru ini.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**AIR ITAM –** Kawasan lapang terbiar Happy Valley di sini berjaya dinaik taraf menjadi sebuah taman permainan dan rekreasi yang bukan sahaja khas untuk kanak-kanak, malah juga seisi keluarga baru-baru ini.

Taman yang dikenali Taman Permainan Tiga Generasi tersebut adalah hasil buah fikiran Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai.

Hon Wai berkata, sebelum ini, kawasan terbabit pernah mempunyai fasiliti permainan, namun, tanpa penyelenggaraan serta penjagaan yang wajar, ia telah rosak dan tidak boleh digunakan lagi.

"Sejak itu, kawasan ini hanya dibiarkan dan menjadi tempat pembuangan serta timbunan sampah sarap," katanya ketika mengadakan lawatan ke kawasan berkenaan di sini baru-baru ini.

Tambah Hon Wai, sejumlah RM10,000 diperuntukan untuk menambah bilangan fasiliti di sini serta memperbaiki persekitaran yang lebih kondusif dan hijau.

Serentak itu, Hon Wai turut melancarkan empat projek taman permainan dan rekreasi lain di kawasannya iaitu Desa Mawar, Kampung Melayu, Kampung Shaikh Madar dan Kampung Shaik Eusoff.

# PPS Taman Perai santuni OKU

**BUKIT TENGAH –** Kegirangan jelas terpancar pada wajah penghuni di rumah Persatuan Kebajikan Kanak-kanak Cacat Yei Ran Jing Sheh apabila menerima kunjungan mesra Pasukan Peronda Sukarela (PPS) Taman Perai di sini baru-baru ini.

Menurut Setiausahanya, M. Turaisingam, PPS Taman Perai bukan sekadar sukarelawan yang memantau keselamatan komuniti, tetapi, juga prihatin terhadap nasib golongan orang kurang upaya (OKU).

*"We love OKU* (Kami sayang OKU), kami berkhidmat penuh prihatin dan prinsip ini menjadi pegangan PPS Taman Perai.

"Kunjungan ini merupakan yang pertama kali dianjurkan PPS Taman Perai dan kami berhasrat untuk meneruskan program sebegini di masa hadapan," ujarnya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Rumah kebajikan berkenaan mempunyai 63 penghuni iaitu 31 lelaki dan perempuan (32) yang berusia antara 5 tahun hingga 59 tahun.

Menurut Turaisingam, kehadiran PPS bukan sahaja untuk beramah-mesra dengan para penghuni, tetapi juga bertujuan menderma bahan-bahan makanan asas serta mengadakan aktiviti berkumpulan seperti mewarna bersama mereka.

"Pada masa sama, kunjungan ini juga bertujuan mewujudkan kesedaran dalam kalangan PPS akan usaha-usaha Kerajaan Negeri yang memberi keutamaan kepada golongan OKU sama ada melalui perkhidmatan mahupun kebajikan," jelas beliau.



M. Turaisingam (berdiri, lima dari kanan) bersama anggota pasukan PPS Taman Perai bergambar kenangan sebahagian penghuni rumah Persatuan Kebajikan Kanak-kanak Cacat Yei Ran Jing Sheh pada lawatan khas mereka di sini baru-baru ini.

# 3KP pupuk nilai kebersihan


CHEAH Kah Peng (berdiri, kiri sekali), Yap Soo Huey (berdiri, tiga dari kiri) dan Zairil Khir Johari (berdiri, enam dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama sebahagian JKKK Mount Erskine sejurus selesai aktiviti gotong-royong Kempen 3KP di sini baru-baru ini.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**KEBUN BUNGA –** Bagi memupuk amalan nilai kebersihan dan semangat mementingkan kebersihan alam sekitar termasuk di kawasan kediaman, Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga mengambil inisiatif menganjurkan Kempen Kesedaran Kebersihan Persekitaran (3KP) di sini baru-baru ini.

Penganjuran julung kali tersebut turut memperoleh kerjasama Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Mount Erskine.

Menurut ADUNnya, Cheah Kah Peng, selain memungut sampah, kempen tersebut turut melibatkan aktiviti gotong-royong membersihkan laluan air dan kenduri rakyat.

"Tahniah kepada semua jawatankuasa JKKK Mount Erskine yang menjadi JKKK ulung melancarkan kempen ini di Kebun Bunga," ungkapnya semasa turun padang bersama penduduk di sini baru-baru ini.

Tambah Kah Peng, kempen perintis dilancarkan JKKK Mount Erskine terbabit akan diserapkan kepada JKKK lain di kawasan Kebun Bunga.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari, ADUN Pulau Tikus, Yap Soo Huey dan Pasukan Bomba Sukarela Paya Terubong.

# Program manfaatkan kaum Hawa menjelang Aidilfitri


ANTARA biskut dan kek yang berjaya dihasilkan peserta kelas pembuatan kuih dan kek pada penganjuran program khas ADUN Batu Maung di sini baru-baru ini.

**BATU MAUNG –** Dalam usaha memperkasakan teras pemartaban wanita, pelbagai inisiatif diambil Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Datuk Abdul Malik Abul Kassim di sini.

Antaranya, mengadakan program pemberdayaan ekonomi mandiri, program pemantapan keluarga, program keseimbangan kerjaya dan program pengukuhan jati diri.

"Program-program ini diaturkan demi memastikan kaum Hawa juga mampu bersaing dengan kaum Adam.

"Ia menjadi sebahagian hasrat saya untuk melihat wanita di Batu Maung berdaya saing bukan sahaja di peringkat tempatan tetapi juga negeri," ujarnya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Malah, sempena kehadiran bulan Syawal kelak, wanita di Batu Maung turut diberi peluang menyertai kelas penyediaan kuih-muih dan biskut raya dianjurkan oleh Pusat Khidmat Abdul Malik di sini.

Abdul Malik dalam pada itu melahirkan rasa syukur berhubung jumlah penyertaan yang diterima.

"Alhamdulillah, seramai 25 orang hadir untuk menyertai kelas pembuatan biskut raya dan kek kali ini.

"InshaAllah, di masa-masa hadapan saya mengharapkan lebih ramai wanita lagi tampil untuk menyertai program-program khas wanita di DUN Batu Maung ini," ujarnya.

## TAWARAN PROJEK PERUMAHAN KOS RENDAH/KOS SEDERHANA RENDAH

### SENARAI PEMOHON BERJAYA
### PROJEK : SHINEVILLE
### LEBUHRAYA THEAN TEIK, AYER ITAM, DTL, PULAU PINANG

| BIL | NAMA | NO KAD PENGENALAN | ALAMAT |
|---|---|---|---|
| | **INDIA** | | |
| 1 | SIVAPAKIAM A/P THANNIMALAI | 712****/ 63072107**** | 771 MK 16 HILLWAY ROAD 11500 PULAU PINANG |
| **V** | **MELAYU** | | |
| 1 | JAMIL BIN SHARIFF | 505****/ 56090802**** | 5 JALAN IBBETSON AIR ITAM 11400 PULAU PINANG |
| 2 | NORJAHAN BINTI ABU BAKAR | 712****/ 63092207**** | BLOK 86-2-10 FLAT BATU LANCHANG 11600 PULAU PINANG |
| 3 | ZALINA ANITA BINTI ZAINAL ABIDIN | A025****/ 65103007**** | E6-9 FLAT PADANG TEMBAK 11400 AIR ITAM PULAU PINANG |
| 4 | ABDUL RAHIM BIN SAWKAT ALI | A205****/ 71112707**** | 87 S JLN KG PISANG 11600 AIR ITAM PULAU PINANG |
| 5 | MUHAMAD ISMAIL BN POOKOIYAH | 82050307**** | BLOK 23-11-10 TAMAN SERI DAMAI LEBUHRAYA BATU LANCHANG 11600 PULAU PINANG |
| 6 | MAS MOHD FARID BIN RAHMAN | 81090205**** | B-11-22 FLAT KG MELAYU 11600 AIR ITAM PULAU PINANG |
| 7 | MASRIYAH BINTI AHMAD BAKI | 84112502**** | 25-15-2 TAMAN SERI DAMAI LEBUHRAYA BATU LANCHANG 11600 PULA PINANG |
| 8 | AZMI BIN YUSOFF | A0412***/ 66031307**** | 1256 S JALAN PAYA TERUBONG AIR ITAM 11060 PULAU PINANG |
| 9 | SHARIFAH TAZNIM BINTI ABD MAJID | 82060907**** | E-8-11 RIFLE RANGE FLAT AIR ITAM 11060 PULAU PINANG |
| 10 | AZMI FARHAN BIN ZULKIFLI | 87091607**** | 6-9-7 LINTANG KG MELAYU 2 DESA MAWAR FARLIM 11500 PULAU PINANG |
| 11 | SITI HAJAR BINTI RUSLI | 84111007**** | 21 JALAN PISANG EMBUN KG MELAYU AIR ITAM 11600 PULAU PINANG |

**SILA DIMAKLUMKAN SEKIRANYA ADA BANTAHAN TERHADAP PEMOHON YANG DITAWARKAN SEPERTI DINYATAKAN, SILA KEMUKAKAN BANTAHAN SEPERTI DALAM FORMAT BERIKUT**

***NOTIS BANTAHAN***

*** Sebarang bantahan boleh dikemukakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh paparan dimuatnaik .
Pohon kembalikan Notis Bantahan yang telah dilengkapkan bersama dokumen sokongan bantahan ke **Bahagian Perumahan, Tingkat 20 KOMTAR**

**Nama Pembantah:** ______________________________

______________________________

**No .K/ P:** ______________________________

**Alamat / E-Mel:** ______________________________

**No .Tel:** ______________________________

**Nama yang diBantah:** ______________________________

**Sebab bantahan:** ______________________________

** Semua maklumat diatas wajib diisi. Bantahan tidak akan dilayan sekiranya maklumat tidak lengkap.*